


Jilid II  
Bil. 10



Hari Rabu  
11hb Ogos, 1976

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN NEGARA**

*SENATE*

**PARLIMEN KEEMPAT**

*Fourth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**

*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN [Ruangan 873]**

**USUL:**

**Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980 (Hari Kedua) [Ruangan 886]**

## MALAYSIA

# PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

### *Penyata Rasmi Parlimen*

## PENGGAL KEDUA

### AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Stiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ GENERAL TAN SRI ABDUL HAMID BIN BIDIN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HUSSEIN BIN MOHD NORDIN, D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

- Yang Berhormat TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAN (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIK HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

---

 Rabu, 11hb Ogos, 1976
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi*  
*Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### PETROLIAM—BANTUAN NEGARA- NEGARA OPEC

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta berdana Menteri menyatakan sejauh manakah bantuan telah diberikan oleh negara-negara OPEC untuk menjayakan perusahaan petroliam di negara ini dan adakah terdapat ebarang gulungan-gulungan tertentu yang cuba mensabotajkan perusahaan ini sehingga kekarang.

**Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, beberapa buah negara-negara OPEC telah memberi kesanggupan mereka untuk membantu PETRONAS dalam usahanya menjayakan perusahaan minyak di negara ini.

Dalam lapangan latihan yang meliputi semua aspek petroliam, Indonesia dan Arab Saudi telah membuka pintu masing-masing kepada penuntut-penuntut yang dianjurkan oleh PETRONAS bagi mengikuti latihan bermali di institusi-insituti pengajian tinggi dan kepada pegawai-pegawai PETRONAS bagi mengikuti latihan praktikal di negara-negara tersebut.

Algeria juga merupakan sebuah negara OPEC yang telah memberi kesanggupan membantu PETRONAS mengendalikan projek gas asli cecair (L.N.G.) apabila projek ini siap kelak.

Setakat ini PETRONAS telah menghantar tiga orang penuntut untuk mengikuti kursus dalam bidang kejuruteraan petroliam di

Indonesia manakala nama tiga orang calon untuk mengikuti kursus yang sama telah juga dihantar ke Universiti Riyadh, Arab Saudi.

Bagi latihan teknikal pula, pihak Kerajaan Malaysia sedang menemui satu rombongan pegawai-pegawai Kerajaan Saudi Arabia yang berada di Malaysia sekarang ini. Dalam pertemuan ini di antara perkara yang lain, butir-butir mengenai latihan ini akan juga dibincangkan, seperti dalam bidang apakah latihan itu akan dijalankan dan berapa orang pegawai yang boleh diterima untuk latihan dalam satu masa.

Berkenaan dengan sabotaj, setahu saya, tidak ada sebarang golongan tertentu yang cuba mensabotajkan perusahaan ini pada masa ini.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah hanya setakat negara-negara OPEC sahaja yang memberi bantuan latihan kepada rancangan perusahaan PETRONAS kita atau ada negeri-negeri lain.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, ada juga lain-lain negara yang berminat untuk membantu PETRONAS mengadakan kursus-kursus latihan untuk pegawai-pegawai PETRONAS. Tetapi oleh kerana kita ada perhubungan baik dengan negara-negara OPEC, kita dari awal lagi sudah ada hubungan dengan negara-negara yang saya sebutkan tadi supaya mengadakan kursus latihan kepada pegawai-pegawai PETRONAS.

**Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, bilakah Kapal L.N.G. yang pertama itu akan siap?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis. Walaupun saya tahu perkara itu tetapi soalan itu keluar daripada soalan asal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri hendak menjawab atau hendak notis.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Saya minta notis, soalan itu adalah soalan lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat elok beri notis dahulu.

### TERUSAN SEGENTING KRA

**2. Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan bersetuju dengan cadangan untuk membuka Segenting Kra di Sempadan Malaysia/Thai memandangkan bahawa tidak ada jaminan kejayaan di dalam usaha kita untuk mengatasi masalah pengganas komunis dan anasir-anasir jahat.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mengetahui secara rasmi mengenai cadangan membuka terusan Segenting Kra. Walau bagaimanapun, perkara itu tidak ada kena-mengena dengan usaha Kerajaan kita untuk mengatasi masalah-masalah di Sempadan Malaysia/Thai.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Kita tahu dengan adanya terusan Segenting Kra ini kita dapat mengawal perairan itu dari anasir-anasir jahat dan ekonomi kita akan terjamin. Soal sempadan Malaysia adalah menghormati kerana kita telah membuat perjanjian, tetapi apa yang membimbangkan kita sebaliknya kesulitan-kesulitan yang banyak yang kita akan menghadapi kerana tidak seperti sempadan Indonesia/Malaysia, walaupun dia lebih luas tetapi tidak ada masalah. Apa yang saya ingin tahu . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila duduk dahulu. Saya harap Yang Berhormat berikan soalan tambahan sahaja.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein:** Soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar akibat lebih buruk akan dihadapi oleh nelayan-nelayan yang akan terjejas nanti mereka akan berkurangan penangkapan ikan, maka ekonomi hidup mereka akan terancam dengan adanya Segenting Kra ini.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi I rajaan tidak sedar dan tahu dengan resmikan cadangan untuk membuka Segenting Kra. Jadi, soal itu tidak timbullah.

### GEJALA ANTI-NASIONAL

**3. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** min Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah yang dimaksudkan dengan rangkaikata gejala anti-nasional itu; sejauh manakah kerosakan dapat dilakukan sekiranya dibiarkan gejala-gejala ini berleluasa di negara ini dari segi sabotaj dan lojistik dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menghapuskan gejala-gejala ini.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, istilah anasir-anasir anti-nasional maksudnya orang-orang atau kumpulan orang yang bertindak bertentangan dengan kepentingan negara dan rakyat. Orang-orang yang termasuk dalam golongan ini umpamanya anasir-anasir komunis baik militan (militant) atau subversif. Mereka yang mengancam usaha perpaduan negara dan keharmonian di antara kaum dan mereka yang mengancam kesetabilan politik, kesetabilan ekonomi, kesetabilan sosial. Jadi, saya rasa tidak perlulah saya sebutkan dengan panjang lebar mengenai apakah kerosakan yang boleh atau dapat dilakukan oleh anasir-anasir anti-nasional ini sekiranya mereka itu dibiarkan berleluasa, bertindak di negara ini. Memadailah dinyatakan tindakan-tindakan mereka terutama anasir komunis baik militan atau subversif akan mengancam ketenteraman antara kaum dan boleh mengancam keselamatan dan keamanan negara dengan melibatkan banyak kehilangan nyawa dan kerosakan harta-benda.

Jadi, sebagai tindakan untuk menghadapi atau mengatasi ancaman anasir-anasir anti-nasional ini pihak Kerajaan mengambil beberapa langkah dengan pengertian bahawa musuh kita itu akan mengambil langkah-langkah yang tertentu. Jadi, yang pertamanya bagi pihak Kerajaan kita mengawal, Tuan Yang di-Pertua, mengawal unit penggempur (assault unit) yang sudah beberapa kali saya sebutkan jumlahnya tidak lebih daripada 2,000 orang. Tetapi mereka ini ada di kawasan sempadan di sebelah sana iaitu di sebelah utara Malaysia. Adalah tugas kita

menjaga supaya mereka ini tidak dapat menyusup masuk, dan kita memburu mereka pada masa ini di sempadan, tetapi lebih kurang 300 daripada mereka ini telah dapat masuk sebelum daripada cara-cara yang kita buat pada masa ini. Jadi, mereka itu bergerak di dalam negara bukan sebagai pejuang tetapi sebagai perintis jalan di dalam Semanjung. Dengan bermaksud untuk mendirikan infrastructure food dump dan sebagainya. Dan kita sebagai calun lawannya telah memburu dengan melancarkan beberapa operasi-operasi seperti Operasi Indera, Gonzales dan Setia dan pihak pasukan keselamatan juga meronda dengan rapinya di kawasan perbatasan. Seperti di Gubir baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, dengar kita telah dapat membunuh beberapa orang yang cuba hendak masuk dan mereka itu diburu balik ke sebelah sana dan satu Yunit Keselamatan Sempadan juga ditubuhkan dengan tujuan yang sama. Di samping itu, projek-projek pembangunan Ampangan Temenggor dan Lebuh raya Timur-Barat yang berdekatan dengan kawasan sempadan adalah satu-satu usaha Kerajaan untuk melemahkan pergerakan mereka ini.

Satu lagi caranya kita menggunakan "psywar" untuk mengecek sesiapa juga penganas-penganas ini yang hendak keluar. Satu caranya yang sudah sangat berhasil iaitu di sebelah Sarawak sana. Lebih daripada 500 anggota kominis menyerah dan pulang kepangkuan masyarakat.

Yang kedua, dari pihak Kerajaan kita melumpuhkan infrastructure mereka yang memberi kemudahan perhubungan, lojistik dan makanan kepada yunit penggempur tadi yang dikendalikan oleh anasir-anasir pertubuhan bawah tanah seperti M.N.L.F. (Barisan Pembebasan Nasional Malaya) atau Lega Pembebasan Rakyat Malaya (M.P.N.L.). Dan ini telah dijalankan dengan cara melancarkan operasi yang kita dengar dan baca dalam suratkhbar umpamanya Operasi Sapu, dimana kita tangkap anasir-anasir bawah tanah ini. Dan juga kita mengadakan Yunit Keselamatan Kawasan (Area Security Unit) sebagai satu daripada usaha untuk menguatkan lagi pengawasan terhadap kegiatan anasir-anasir bawah tanah ini. Dan tugas ini juga bermaksud supaya pihak kominis itu tidak dapat berhubung dengan rakyat biasa.

Caranya yang ketiga iaitu kita mengesan dan menghapuskan infiltrasi atau penyerapan anasir-anasir United Front iaitu bekerja sebagai semi-legal Barisan Bersatu Kominis, dalam parti politik umpamanya, dalam Kesatuan Sekerja (Trade Union) atau dalam badan-badan persuratan, badan-badan kebudayaan dan juga badan-badan yang berpengaruh. Jadi, Kerajaan sedang gigih untuk menjalankan tindakan menyisir badan-badan ini macam kita mencari kutu, iaitu ada yang saya katakan hari itu menyisir cadre atau kudanya daripada pihak Kominis ini tadi. Di samping itu pihak Kerajaan sentiasa menguatkan ketahanan rakyat, ketahanan negara dengan mengadakan rancangan-rancangan keselamatan untuk disertai rakyat dalam menghadapi ancaman penganas kominis seperti rancangan RELA dan Rukun Tetangga dan Kerajaan juga mengutarakan kerjasama yang rapat dengan jiran-jiran kita dari segi keselamatan. Dan saya suka menyatakan bahawa kita dapat kerjasama yang rapat dari segi menghadapi musuh kita dari negara-negara tetangga seperti Singapura, Thailand dan juga Indonesia.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Adakah boleh dipercayai bahawa golongan anti-nasional ini berada sedikit-sedikit di Jabatan-jabatan Kerajaan ataupun di Badan-badan Berkanun.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan itu ada. Janganlah kita menafikan. Kita tidak boleh menafikan—takbur kita kalau kita menafikan. Kemungkinan itu ada. Tetapi adalah menjadi tanggungjawab kita mencarinya sentiasa dan kalau dia muncul kita cekup!

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ada satu perkara lagi yang dibuat oleh anasir-anasir kominis. Dia telah mengadakan sebaran radio sulit. Apa langkah Kementerian ini untuk menolak dan memerangi dakyah-dakyah radio sulit yang diadakan oleh golongan ini.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, radio ini kita tahu bahawa dia tidak dipancarkan daripada dalam negara kita. Jadi, kita tidak boleh control. Apa yang dia hendak kata, apa yang dileterkannya itu adalah perkara yang tidak dapat kita kawal. Tetapi apa yang kita buat, iaitu tiap-tiap program yang dia buat kita

dengar, kita ambil tahu dan kita beri jawapannya melalui radio dan talivisyen kita dengan cara lain pula, iaitu dengan menunjukkan kenyataan dan kebenaran dan saya percaya rakyat Malaysia ini bukan bodoh dan tidak boleh diperbodohkan. Yang betul itu betul juga. Yang bohong itu, bohong juga.

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, kita cukup faham siapa itu penganas komunis dan siapa itu anasir-anasir subversif. Dan juga, Tuan Yang di-Pertua, seorang penganas komunis atau anasir subversif boleh jadi . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila duduk dahulu. Saya hendak mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa sesuatu pertanyaan tidak boleh dijadikan helah untuk bahasan. Sila nyatakan soalan Ahli Yang Berhormat secara terus-menerus.

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, kita faham bahawa seorang penganas komunis atau anasir-anasir subversif, bagaimana kita boleh classify seseorang itu sebagai anti-nasional, oleh sebab seseorang komunis atau anasir subversif boleh jadi anti-nasional dan jika ada sebuah badan anti-nasional khas bagaimana kita classify seseorang itu anti-nasional.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, sudah saya jawab tadi.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah dengar daripada Yang Berhormat Menteri mengatakan kalau subversive element ini kita tidak kira bulu, apa bulu pun disikat, betulkah begitu?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, betul, tidak kira warna dan tidak kira bulu.

**Datuk Abdul Aziz bin Tapa:** Soalan tambahan. Saya ingin tahu ada orang atau kumpulan orang yang mengungkit-ungkit Kerajaan mengutamakan kepada bumiputra dan juga ada orang atau kumpulan orang yang menentang ataupun menyangkal penggunaan Bahasa Malaysia, adakah orang-orang ataupun kumpulan orang seperti ini dapat kita katakan anti-nasional?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi orang yang boleh dianggap sebagai anti-nasional itu satu daripada golonganannya iaitu orang yang boleh membawa perpecahan kaum, maka ini kita ada mempunyai satu undang-undang dari segi sensitive issue dan kalau dia melanggar undang-undang ini mesti kita cekup.

**Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad:** Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa ada di antara 2,000-3,000 militan (militant) komunis dalam negeri ini. Bolehkah saya dapat tahu berapa banyakkah agen subversif yang ada dalam negeri ini, lebih kurang.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan bahawa komunis yang milien atau assault unit itu 2,000 orang lebih sedikit tadi di dalam negeri tetapi di luar negeri, ini terang sangat saya katakan tadi. Yang ada di dalam negeri ini tidak lebih daripada 300 nyawa, di luar ada iaitu di utara sempadan Malaysia. Saya tidak pernah mengatakan di dalam negeri tetapi agen-ajennya kita tahu kurang lebih, begitu juga bilangannya pada tempoh tiga tahun dahulu, tetapi hampir satu pertiga sekarang setelah kita buru di sana-sini yang dapat kita tangkap dan yang lain itu dapat kita amankan dengan cara dikawal.

#### PASUKAN POLIS KEDET SEKOLAH

4. **Tuan Chua Ching Cheng** minta Menteri Pelajaran menyatakan untuk kepentingan keselamatan negara samada beliau akan mengkaji dan menetapkan tiap-tiap sekolah menengah mahupun kebangsaan atau jenis kebangsaan hendaklah menubuhkan pasukan polis kedet untuk melahirkan penuntut-penuntut yang berdisiplin sambil itu membantu kerajaan membasmi penyalahgunaan dadah dan kegiatan subversif dan anti-nasional di kalangan penuntut-penuntut sekolah yang berkenaan.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar tentang peranan penting yang telah dimainkan oleh Pasukan Polis Kedet untuk menimbulkan kesedaran mengenai keselamatan negara dan disiplin di kalangan murid-murid sekolah menengah. Kementerian Pelajaran dan juga pihak Polis

Di Raja Malaysia akan mengambil langkah-langkah untuk memperbesar lagi Pasukan Kedet di sekolah-sekolah menengah apabila sahaja kemudahan-kemudahan seperti kewangan dan latihan dapat diadakan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran berpendapat bahawa Pasukan Polis Kedet tidak perlu ditubuhkan di semua sekolah-sekolah menengah, kerana kesedaran disiplin di kalangan murid-murid sekolah boleh juga dicapai melalui pasukan seragam yang lain-lain seperti Pandu Puteri, Pengakap, Pasukan Bulan Sabit Merah dan lain-lain. Tambahan pula kesedaran mengenai disiplin dan keselamatan negara boleh juga disemaikan di dalam jiwa murid-murid melalui pelajaran sivik dan aktiviti-aktiviti lain di sekolah-sekolah menengah.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Adakah Polis Kedet di sekolah ini telah diberikan satu tugas yang baharu iaitu mereka mempunyai hak boleh menangkap atau menahan kawan-kawannya yang mengisap dadah atau heroin?

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya, tidak.

## BELIA-BELIA BUKAN BUMIPUTRA

**5. Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan memandangkan bilangan yang kecil belia bukan Bumiputra mengambil bahagian kelab-kelab belia, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh beliau untuk menarik atau menggalakkan lebih ramai belia bukan Bumiputra berkecimpung dalam aktiviti-aktiviti yang diselenggarakan oleh berbagai-bagai kelab belia di negara ini terutama sekali dalam rancangan belia negara.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dr Neo Yee Pan):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk menarik lebih ramai lagi belia-belia bukan Bumiputra mengambil bahagian dalam kelab-kelab belia. Diantara langkah-langkah yang diambil termasuklah mengadakan latihan-latihan kepimpinan kepada belia-belia bukan Bumiputra untuk membolehkan mereka menjalankan kelab-kelab belia dan menarik ahli-ahli dari bukan Bumiputra dikawasan masing-masing. Kementerian juga sedang mengambil langkah

untuk menambah pegawai-pegawai belia yang terdiri daripada bukan Bumiputra untuk memberi dorongan dan galakan kepada belia-belia bukan Bumiputra menyertai pergerakan belia di negara kita. Kementerian juga sedang giat berusaha untuk menubuh lebih banyak lagi persatuan-persatuan belia di kawasan dimana terdapat ramai belia-belia bukan Bumiputra seperti di Kampung-kampung Baru, di ladang getah dan di bandar-bandar.

Beberapa kelab-kelab belia yang bukan bumiputra yang telah ditubuhkan dan sedia ada ialah seperti berikut:

- (a) Majlis Belia Tamil Bell
- (b) Persatuan Belia Budha
- (c) Pertubuhan Pekerja Pemuda Kristian
- (d) Gerakan Belia Bersatu
- (e) Pergerakan Pemuda Malaysia
- (f) Persatuan Belia Methodist
- (g) Pergerakan Jayful Vanguard Malaysia
- (h) Bridge Putera
- (i) Bridge Puteri
- (j) Majlis Belia Hindu Malaysia.

Kementerian saya sentiasa menyeru dan menggalakkan belia-belia bukan bumiputra menyertai kelab-kelab belia dan apa-apa rancangan yang dianjurkan oleh Kementerian saya. Setakat ini sambutan terhadap ini adalah menggalakkan.

**Datuk Abdul Aziz bin Tapa:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, dengan adanya banyak persatuan-persatuan belia ini tidakkah menimbulkan percanggahan di antara persatuan belia dengan persatuan belia seperti kata orang; sungguhpun banyak ragam rempah ratus dunia, tetapi banyak ragam susah hendak dikawal.

**Dr Neo Yee Pan:** Tuan Yang di-Pertua, persatuan-persatuan belia dari semua kaum ada satu Majlis Belia Malaysia dan persatuan-persatuan belia dari semua kaum ada menjadi ahli Majlis Belia Malaysia dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan percaya di bawah pimpinan Majlis Belia Malaysia, belia-belia dari semua kaum akan memperkuatkan perpaduan di antara semua belia.

**Datuk Abdul Aziz bin Tapa:** Soalan tambahan. Setakat ini adakah Majlis Belia Malaysia ini dapat menyatukan semua belia ataupun masih gongcong?

**Dr Neo Yee Pan:** Tuan yang di-Pertua, perkara ini sedang diuruskan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mengadakan perjumpaan dengan semua persatuan-persatuan belia dan menyeru semua persatuan-persatuan belia supaya bersatu di bawah Majlis Belia Malaysia.

## PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTRA

**6. Datuk Mansor bin Mohamad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa masih ada syarikat-syarikat swasta yang tidak mengindahkan arahan-arahan atau seruan-seruan Kerajaan supaya menolong memberi kemudahan-kemudahan yang serupa kepada peniaga-peniaga Bumiputra sebagaimana yang diberikan kepada peniaga-peniaga di kalangan kaum mereka sendiri. Antara helah-helahnya ialah:

- (a) kelambatan dalam memperoses permohonan dengan berbagai-bagai alasan;
- (b) mengemukakan berbagai-bagai soalan dan kehendak-kehendak yang sukar dipatuhi oleh pemohon;
- (c) perbezaan kadar komisyen iaitu Bumiputra diberi kadar yang rendah dari apa yang diberi kepada peniaga-peniaga di kalangan kaum mereka;

dan jika sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah-masalah ini supaya keadaan seperti ini tidak akan berterusan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Dasar Ekonomi Baru adalah satu dasar yang telah dibincangkan dan dipersetujui oleh semua pihak apabila Kerajaan melancarkan Rancangan Malaysia Kedua. Matlamat Dasar Ekonomi Baru ini akan terus dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga sehingga matlamat dasar itu tercapai. Kejayaan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru adalah bergantung kepada kerjasama baik di antara pihak Kerajaan dan lain-lain pihak yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaannya.

Walau bagaimanapun kita mesti menerima hakikat bahawa dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru beberapa masalah akan dan telahpun timbul. Dan Kerajaan berazam

dengan kerjasama daripada sektor swasta agar masalah-masalah ini dapat diselesaikan dengan cara yang akan memberi munafaat kepada kedua-dua pihak.

Saya sedar tentang adanya berlaku perbezaan kemudahan-kemudahan yang diberi oleh syarikat-syarikat swasta kepada pengusaha-pengusaha yang mempunyai urusan perniagaan dengan mereka atas sebab-sebab selain daripada sebab keturunan seperti jumlah pembelian/pesanan yang dibuat, lamanya urusan perniagaan telah dijalankan di antara kedua-duanya, pengalaman pengusaha-pengusaha itu sendiri, dan keteguhan perniagaan pengusaha-pengusaha itu. Jika ada mana-mana pihak yang merasai bahawa mereka diberi layanan yang kurang baik daripada syarikat-syarikat swasta atas sebab-sebab keturunan, laporan yang khusus boleh dibuat kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk disiasat, dan tindakan yang sesuai diambil. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah sentiasa mengambil tindakan untuk menentukan bahawa pengusaha-pengusaha yang mempunyai kedudukan yang sama diberi layanan yang sama oleh syarikat-syarikat swasta.

Setakat ini, dalam keadaan yang menasabah jika Kementerian ini mendapat laporan tentang kesukaran peniaga-peniaga Bumiputra untuk memajukan perniagaan mereka oleh syarat-syarat yang telah dikenakan, Kementerian ini akan membincangkan syarat-syarat tersebut dengan pihak-pihak swasta yang berkenaan untuk mendapatkan kerjasama mereka dan melonggarkan syarat-syarat tersebut khusus untuk kaum Bumiputra. Walau bagaimanapun, tindakan-tindakan selanjutnya terutama dari segi pentadbiran (administrative) yang diambil terhadap pihak-pihak yang disebutkan yang menjalankan kegiatan diskriminasi kaum sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telahpun menghasilkan kesan yang baik.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengetahui berhubung dengan pelaksanaan ini adakah pihak Kerajaan bercadang hendak mengadakan satu undang-undang supaya semua pihak patuh kepada arahan-arahan mengikut polisi ataupun Dasar Ekonomi Baru.

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, masalah mengadakan satu undang-undang tertentu dalam hal ini adalah satu masalah yang besar dan perlu ditimbang dengan sebaik-baiknya. Apa yang berlaku pada hari ini kita nampak sebahagian besar daripada pihak swasta telahpun dapat menerima dan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru ini dengan agak menggalakkan dan kita rasakan pada setakat ini biarlah keadaan yang sihat ini berjalan terus agar kita tidak kerugian besar nanti. Tetapi dari segi cadangan Ahli Yang Berhormat agar diadakan satu undang-undang bagi menentukan bahawa pelaksanaan daripada dasar ini dapat diadakan, perkara ini perlu dikaji dengan sebaik-baiknya.

### RUMAH PEKERJA LADANG GETAH

**7. Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa rumah-rumah pekerja di ladang-ladang getah di negara ini adalah dalam keadaan buruk, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang akan beliau ambil dalam perkara ini.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Abdullah Majid):** Tuan Yang di-Pertua, barangkali ada baiknya kalau Ahli Yang Berhormat itu berjalan lebih jauh dan memandang lebih luas kepada keadaan ladang-ladang pada masa ini kerana kalau dikatakan keadaan perumahan di ladang-ladang buruk tentulah tidak benar. Pada masa ini, amnya keadaan perumahan di ladang-ladang adalah lebih baik dan banyak ladang-ladang yang telah mengadakan perumahan yang lebih baik daripada minimum standard yang dikehendaki oleh Kerajaan. Dalam hal ini pegawai-pegawai Kementerian telah juga diarah mengadakan pemeriksaan supaya ladang-ladang ini mengadakan perumahan yang sesuai seperti yang dikehendaki menurut Akta Piawai (Minimum Standard Act) yang dikehendaki bagi perumahan buruh-buruh ladang.

### JALANRAYA KUALA LUMPUR— IPOH

**8. Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau akan menimbang memperbesarkan sepanjang jalanraya dari Batu 9 hingga Batu 17 jalan dari Kuala Lumpur

menuju ke Perak yang nyata sempit dan berliku-liku dalamana apabila ada lori-lori besar membawa balak dan lain-lain muatan yang berat segala kenderaan-kenderaan kecil tergendala perjalanannya kerana terpaksa mengikut sahaja di belakang berderet-deret sampai lebih setengah jam baru dapat memotong dan jika ya, bilakah jalan itu akan diperbesarkan.

**Tuan Abdullah Majid:** Tuan Yang di-Pertua, jalanraya antara Batu 9 hingga Batu 17 Kuala Lumpur-Ipoh (Federal Highway 1) telahpun dimasukkan di dalam rancangan kerja-kerja membaiki jalanraya bagi tahun ini, khasnya antara Batu Caves dengan Batang Kali. Kontrek untuk projek ini baharu sahaja diberikan kepada pemborong. Kerja-kerja dijangka akan dimulakan dalam bulan September tahun ini dan dijangka akan siap dalam tempoh 2½ tahun.

### USUL

#### RANCANGAN MALAYSIA KETIGA 1976-1980

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini *menyedari* kemajuan yang sempurna yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan peringkat pertama Dasar Ekonomi Baru melalui Rancangan Malaysia Kedua;

*bersetuju* dengan usaha-usaha Kerajaan seterusnya untuk mencapai tujuan penting terhadap perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan, tanpa mengira kaum, dan penyusunan semula masyarakat Malaysia serta usaha memperkukuhkan lagi keselamatan negara.

*meluluskan* Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, yang telah dirangka dengan jelasnya untuk mencapai matlamat-matlamat negara dasar-dasar dan kewajipan-kewajipan sebagai termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru menerusi pelaksanaan langkah-langkah dasar dan program-program pembangunan seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 25 tahun 1976.

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga, Dewan ini *menyeru* semua rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup untuk memberi sumbangan mereka,

mengikuti hasrat Rukunegara untuk membentuk satu Negara yang bersatu padu, aman damai, saksama, maju dan kukuh. (10hb Ogos, 1976).

### 3.07 ptg.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, semalam saya sedang bercakap berkenaan dengan pengganas-pengganas komunis yang telah membuat huru-hara hingga Balai Polis di Simpang Pertang beberapa anggota Polis telah dibunuh oleh mereka dan propaganda ini telah dibawa keluar negeri dan orang-orang luar negeri telah percaya di atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi kita telah dengar bersama bagaimana Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengatakan pengganas-pengganas komunis cuma ada 2,500 orang sahaja di luar negeri Malaysia dan di dalam Malaysia cuma 300 orang sahaja. Saya bukan menafikan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri dalam masa soal-jawab tadi tetapi kita mesti bersiap sedia, berjaga bukan kerana apa, cuma kita fikir bukan 300 orang sahaja tetapi mungkin lebih banyak lagi boleh jadi yang diam-diam di bawah tanah (underground). Saya berkata begitu kerana pada masa Pulau Hainan ditawan oleh komunis dahulu langsung tidak ada gerak-geri komunis tetapi apabila komunis menyerang Pulau Hainan, dalam masa dua hari Pulau itu hancur, sebab orang-orang di dalam itu sudah siap sedia untuk menghancurkan pulau itu. Pada masa itu saya berada di negeri China dan saya tahu di atas perkara ini. Diharap perkara ini jangan berlaku di negeri kita oleh kerana kita fikirkan keadaan senyap, kita mengatakan begitu-begini, saya takut, tetapi saya percaya benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa mereka tidak boleh dapat memiliki negeri ini dengan cara kekerasan.

Tuan Yang di-Pertua, yang menakutkan sekali iaitu musuh dalam selimut. Subversion atau subversive elements dalam selimut kita sendiri yang kita tidak sedar yang melagagakan di antara kita sama kita dan satu sama lain. Ini memang cara-cara komunis untuk menghancurkan-leburkan kita sama kita kemudian diperintahkan. Sebagaimana penjajah Inggeris dahulu, begitu juga penjajah komunis ini melagagakan kita dengan cara yang kita tidak sedar. Lihat apa yang telah

terjadi kepada issue Bangi. Kita baca dalam akhbar apabila subversive komunis ditangkap di Singapura baru kita dapat tahu issue Bangi ini ditimbulkan oleh anasir-anasir komunis yang mencucuk di belakang supaya kita huru-hara. Ini adalah kebenaran (fact). Dengan sebab itu, saya sebagai seorang warganegara yang cinta kepada bangsa yang dalam Rukun Negara ada menyebutkan kita percaya kepada wujudnya Tuhan. Dengan adanya komunis ini maka saya takut jikalau mereka ini dapat memerintah negara kita dengan cara melaga-lagakan kita sama kita, kemudian porak-peranda negeri ini, akhirnya orang-orang yang cintakan keamanan akan hancur-lebur dalam negerinya sendiri. Ini terpulanglah kepada kita semua jangan lekas percaya kepada hasutan-hasutan seperti ini untuk melaga-lagakan kita sama kita. Saya bukanlah sebagai prophetnya, tetapi ini adalah jalan-jalan komunis, dan kita mesti ingat bersama.

Selain daripada itu, baru-baru ini saya bersama dengan Datuk Mansor berada di Jerman. Pada masa itu seorang Jerman bernama Lambrencht dan seorang lagi namanya Klassing daripada Bremen, mereka mengatakan kepada saya iaitu seluruh hutan negeri Perak sudah dimasukki oleh pengganas komunis. Semua hutan di negeri Perak telah curfew. Saya tanya beliau dari mana dapat tahu. Beliau kata daripada orang Malaysia sebab beliau berniaga dengan orang dari Malaysia iaitu orang dari Ipoh. Saya kata memang selalu kita buat curfew oleh kerana apabila ada pengganas komunis kita hendak bersihkan, maka kita curfewkan tempat itu. Dia kata tidak dan mengikut orang ini mengatakan sekarang semua hutan Perak sudah habis dimasukki oleh komunis. Orang yang di tujukan itu iaitu ada satu sawmill bernama South East Asia Lumber dan orang yang berkenaan bernama Low Moo Fah, Ipoh. Perak ini Kerajaan mesti siasat, dengan benar-benar kerana perkara ini berat. Ini satu mudarat kepada negara kita oleh kerana kita berkehendakan peniaga-peniaga daripada luar negeri masuk berniaga ke dalam negeri kita supaya negeri kita makmur, tetapi ini satu propaganda yang besar menyebelahi kepada pihak komunis. Apabila saya balik pada bulan Jun, empat orang Polis masuk ke dalam hutan yang tidak disangka-sangka ada komunis. Mereka pergi untuk berlatih di sana dan telah dibunuh oleh pengganas komunis.

Jadi, bagaimana negara kita ini sekarang. Inilah musuh di dalam selimut, Tuan Yang di-Pertua, yang menikam diri kita sendiri. Musuh-musuh inilah yang kita mesti jaga. Bukannya kawan dikatakan musuh dan hendak dibunuh. Ini tidak patut. Musuh yang sebenarnya itu kita mesti cari supaya Rancangan Malaysia Ketiga ini akan berjalan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya sokong sepenuh-penuhnya mengenai perkara kemiskinan. Ini adalah satu faktor yang besar pada fikiran rakyat yang tidak ada beragama ataupun rakyat yang memikirkan cuma kepada kebendaan cepat sangat ditawan oleh fahaman kominis ini. Dengan sebab itu, kita mesti menghapuskan kemiskinan, tidak kira bangsa samada China, Melayu atau India, asalkan mereka ini warganegara dalam negeri ini mereka mesti ada tempat tinggal yang sewajarnya, mereka mesti ada rumah tempat tinggal dan tanah untuk mereka. Mereka mesti ada juga pakaian, makanan dan pekerjaan oleh kerana mereka adalah warganegara negeri ini.

Saya sudah mengatakan berkali-kali, mula-mula sekali di Dewan Rakyat dahulu dan beberapa kali di sini. Saya mengatakan sebelum Yang Berhormat Tuan Michael Chen menjadi Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, saya mengatakan Kampung Baru ini daripada tahun 1947-1948 apabila orang Inggeris memindahkan mereka ini ke dalam new village dan dikurung di sana sehingga sekarang tidak diluaskan tempat mereka ini. Budak yang umurnya lima tahun sekarang ini telah kahwin, beranak dan bercucu. Mereka ini berkehendakkan tanah, rumah, pekerjaan dan sebagainya. Tidakkah Kerajaan dapat meluaskan lagi tempat-tempat ini. Lama sudah saya bercakap. Kita tahu new village ini adalah sarang kominis, sebab itu kita mesti baiki kehidupan mereka. Saya bukannya pro China, pro Melayu dan pro India, tetapi saya sebagai warganegara Malaysia. Kalau saya pro Melayu lain pula cakap saya. Dengan sebab itu, Kerajaan mesti membuat betul-betul bukan dengan dakyah-dakyah sahaja. Saya baca buku ini memang bagus. Barangkali tidak ada siapa yang boleh kritik Buku Hijau ini, sebab banyak professor yang telah membuatnya, banyak bijak-pandai telah membuatnya dengan rangkaian yang betul, berapa orang Melayu miskin, berapa orang China miskin

dan berapa orang India miskin, tetapi kita hendak buat bukan dengan begitu sahaja hendak buat, buat, buat. Begitu juga mengikut rangka-rangka ini orang Melayulah yang sehabis-habis miskin di dalam negeri ini. Saya ingat orang China tidak boleh dengki pada orang Melayu, orang India tidak boleh dengki dengan orang Melayu, sebab orang Melayulah yang semiskin-miskin di tanahairnya. Pendapatannya mengikut Buku Hijau ini—ini bukan saya yang menulis—mengikut Buku Hijau ini kemiskinan tidak mengira bangsa jurangnya iaitu gaji sebulan orang Melayu pukul rata \$172, China \$394 dan India \$304 sebulan.

Ini terang dan nyata bukan saya hendak melawan untuk orang Melayu, tetapi kita mengatakan hendak menghapuskan kemiskinan dan orang-orang China mesti sokong orang-orang Melayu, orang India pun mesti sokong orang-orang Melayu atas perkara ini, sebab itu saya bercakap atas perkara ini.

Kita tengok pula perniagaan borong. Cuba tengok buku hijau di muka 216, siapa yang menengok di muka 216 berasa terkejut iaitu .8% perniagaan borong orang Melayu, China 55%, India 2.7%, lain-lain 6% dan asing 40.9% .8% tak sampai 1% selama 20 tahun sudah merdeka, untuk menaikkan taraf hidup orang Melayu .8% perniagaan borong orang Melayu (wholesalers). Apa sebabnya. Rancangan Tanah Melayu Pertama, Rancangan Tanah Melayu Kedua, Rancangan Malaysia Pertama, Rancangan Malaysia Kedua dan sekarang Rancangan Malaysia Ketiga. Mengikut buku ini bukan saya cakap, it is a fact—kebenaran .8%. Saya harap Kerajaan ambil ingatan benar-benar di atas perkara ini.

Lihat pula di sektor industri perlombongan dan pembinaan di muka 7. Melayu 2.3%, China 92.2% India 2.4% dan lain-lain 8%, semua 100%, 20 tahun selepas merdeka. Bagaimana perkara ini, inilah yang dikatakan jurang tadi. Jurang ini bukan kecil, tetapi jurang yang besar. Dengan sebab itu, saya harap dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini kemiskinan tak peduli bangsa, kemiskinan mesti dihapuskan. Orang-orang China di New Village mesti diberikan tempat, tanah dan sebagainya, tetapi hak istimewa orang-orang Melayu mesti dijalankan. Apa dia kekurangannya mestilah diadakan.

Modal saham. Kita lihat di muka 7 juga: Melayu 2.4%, China 27.2%, India 1.1%, lain-lain 6.7%, Asing 63%. Kita tengok tanah: Melayu 47.1%, China 32.8%, India 10.1%, lain-lain 1.1%, Kerajaan 2.3%. Melayu banyak tanah 47.1%. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Hussein Noordin semalam, ini adalah kebenaran. Malay Reservation tidak ada harga, dibawa geran ke sana ke mari, dipandang orang pun tak mahu, cuma Bank Bumiputra sahaja boleh menerima, Yang Berhormat saudara saya ada di sini, barangkali kalau dibawa permohonan itu tiga bulan belum tahu boleh dapat meminjam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam buku ini mengatakan begitu begini, tetapi bagaimana sekarang untuk mengatasi perkara ini. Ini soal besar. Buku ini mengatakan kemiskinan tetapi bagaimana untuk mengatasinya, oleh itu di hari ini kita bincang. Yang kita dengar bagaimana untuk mengatasinya, syor-syor dikeluarkan. Apakah syor untuk membina orang Melayu ini. Saya benci sekiranya orang Melayu merampas lesen orang lain, merampas tanah orang lain sebab bangsa Melayu tak pernah merampas orang punya. Tetapi saya hendak supaya mereka diberi peluang kepada orang Melayu, diberi peluang supaya mereka hidup, segar hidupnya seperti manusia yang lain, warganegara di dalam negeri ini. Ini yang dikehendaki. Tanah ada, misalnya di Pulau Pinang. Tanah Melayu banyak di Pulau Pinang, modalnya tak ada tetapi tanahnya boleh dijadikan modal. Apa sebabnya Kerajaan kita tidak memikirkan yang tanah orang Melayu itu dijadikan modal untuk industri.

Kerajaan Pulau Pinang misalnya ambil tanah orang Melayu ini betul-betul dimajukan, kemudian dijual untuk dijadikan saham kepada mereka di dalam kilang-kilang itu. Jadi dapatlah orang Melayu ini jadi industrialist, ada modal masuk saham di dalam kilang itu. Sungguhpun dia tak ada berduit, tanahpun tak boleh digadai di bank, jadi apa lagi yang ada. Itu sebab orang Melayu jilat tangan. Dengar sahaja sana sini kemajuan orang lain. Sebab, kita sendiri yang ada kuasa tidak jalankan, bukan salah orang Melayu kebanyakannya mereka tak tahu jalan. Kerajaan mesti tunjukkan jalan, sebab dalam Kerajaan banyak orang-orang bijak pandai. Apa sebab tak tunjukkan jalan mereka. Bila kita bercakap pada hari ini, orang akan kata; Raja Nong Chik

main cakap sahaja, pedulikan. Tetapi ini bukan soal saya, ini keseluruhan bangsa Malaysia, keseluruhan kita semua, Tuan Yang di-Pertua. Bukan terkena kepada Melayu, terkena kepada China, terkena kepada India. Kalau orang Melayu yang miskin, adakah kita hendak tengok dalam masyarakat begitu? Mana Melayu? Itu yang miskin duduk dalam pondok buruk, atap nipah, tengok di Pulau Pinang di tepi laut yang rumahnya rebeh. Ini dia. Pergi ke Ulu Pahang: itu dia bangunan, itu dia Melayu—hendakkah kita begitu? Kalau saya, saya tak mahu sebagai warganegara jadi begitu, sebab saya malu. Jadi saya bercakap bukan kerana saya anti-China, tidak. Saya pun belajar di negeri China selama 3 tahun, tetapi apa yang saya sebutkan di sini supaya orang Melayu ini betul-betul dapat nikmat. Wakil-wakil Rakyat atau Senator selalu mendengar komplek kalau orang Melayu pergi ke pejabat disambut dengan marah sahaja oleh setengah-setengah pegawai, belas kesihanlah kepada mereka ini. Tolonglah. Kalau minta TOL bertahun-tahun, susah, payah. Apa mereka kata: sudahlah, kalau begini, kita hidup di dunia tak berapa lama 40-50 tahun hidup lepas itu mati, kita pergi syurga, biarlah orang lain sedap-sedap hidup. Tuan Yang di-Pertua, kita orang Melayu orang Islam sesiapa pun orang Islam kita pun hendak juga sehat-sehat duduk. Ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah penting. Dengan sebab itu, apa yang kita mesti buat bahawa tanah seperti yang saya katakan tadi tanah dijadikan modal. Jikalau pada masa akan datang State Development Corporation hendak membuat satu-satu tapak perusahaan, pergi ambil tanah orang Melayu, jadikan tanah itu sebagai modal kepada mereka, baharu mereka boleh masuk di dalam perindustrian; ada MARA, ada PERNAS ada UDA jadi kuda.

Siapa orang Melayu boleh beli saham esok, adakah kita berduit beli saham lima tahun akan datang. Jikalau kita hendak masuk di dalam perniagaan begini, dari mana datang modalnya. Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Bagaimana nanti MARA jual saham, UDA jual saham, PERNAS jual saham, bila hendak jual saham, kalau duit tidak ada di poket, orang berduit juga yang boleh membeli. Jadi bilakah hendak seimbang, bila 30% akan tercapai untuk Bumi-putra.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, bijak pandai mestilah memikirkan di atas perkara ini. Dengan tulisan-tulisan ini memang betul, tetapi tulisan-tulisan ini mesti dijalankan dengan benar-benar. Kesihanlah kepada orang Melayu. Minta kesihanlah, tolong: ini yang kita minta, tidak usahlah peduli bumiputra, kirakan satu bangsa, sudah, tolonglah. Itu yang kita minta.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pemborong bumiputra. Saya dapat tahu dalam lima tahun yang ketiga ini banyak kerja-kerja pemborong. Dahulu kalau orang Melayu (bumiputra) hendak jadi pemborong, akan ditanya berapa trektor ada, berapa pembancuh simen ada, berapa lori dan sebagainya. Dahulu penjajah tidak bekalkan kepada kami bumiputra untuk ini semua. Duitnya kosong. Bank tidak beri pinjam. Kereta lembu pun tidak ada. Sekarang ini baharu hendak mendaftarkan, sebagai contractor bukan siapa yang duduk di situ, itu bukan saya salahkan sesiapa, si Melayu duduk di atas. Tidak kesihan kepada Melayu ini. Apabila saya bercakap nanti, akan dijawab, ditulis oleh pegawai Kementerian, suruh Menteri jawab. Apa yang saya cakap ini, jawablah, asalkan berjawab. Mana boleh begitu, bukan saya ini marah pada Kerajaan, saya menyokong Kerajaan, sebab banyak yang Kerajaan buat; jalan bagus, buat taliair bagus, buat itu bagus buat ini bagus. Tetapi ini adalah keritik-keritik yang membangun yang patut Kerajaan perbaiki. Itu yang kita hendak, bukannya saya datang hendak mengkeritik, tidak begitu. Keritik-keritik ini supaya dapat kita bersama-sama membangun. Sebab di atas dunia ini, kalau hendak pangkat, hendaklah mengampu. Saya tidak jadi pengampu—tidak boleh, salah dalam ugama Islam mengampu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kontrak-kontrak. Yang Berhormat Tengku Razaleigh, Menteri Kewangan telah berkata dalam akhbar-akhbar baru-baru ini dia akan tengokkan kontrak-kontrak ini akan diberi kepada bumiputra-bumiputra supaya seimbang apa yang tertulis dalam buku ini akan dijalankan. Saya berterima kasih benar kepadanya dan saya harap dia akan menjalankan pekerjaan itu. Tetapi saya khawatir kerja yang besar-besar, ada consultant-consultant di England, di Amerika, consultant-consultant ini bukan kira bumiputra, mereka tidak tahu. Consultant ini mesti diberitahu sedikit berkenaan dengan

kedudukan di negara ini sebab di Amerika lain, di Malaysia lain, di negeri China lain, di England lain, kedudukan politiknya, polisinya dan sebagainya. Mereka mesti diberitahu dan orang ini juga tidak sunyi daripada corruption. Saya hendak menengok misalnya pre-qualification sesuatu orang itu hendak masuk tender, boleh masuk apabila sudah terbuka, orang yang rendah \$4 million, tidak boleh dapat, orang yang atas \$4 million boleh dapat. Dia recommend. Dan Jawatankuasa Tender mengatakan dia bersetuju mengikut sebagaimana consultant buat recommendation. Pre-qualification boleh orang itu tender. Tetapi kemudian dia terbalikkan. Ini apa? Ini ada tanda soal. Jadi Anti-corruption Agency mestilah siasat kalau ada perkara ini berlaku di mana-mana, sebab nanti tidak ada peluang orang yang lain, orang yang tender rendah pun tidak boleh dapat. Ini mesti ditengokkan. Kalau begini berlaku seperti mana di negeri Jepun MARUBENI dengan Lockheed juga akan jadi di negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu di dalam perindustrian. Ini saya tidak hendak bercakap panjang di atas perkara-perkara lain, saya hendak bercakap banyak di atas perkara bumiputra ini sahaja. Peluang mesti diberi. Galakan telah diberi. Bumiputra masuk di dalam perindustrian. Katakanlah bumiputra itu ada duit sedikit tetapi yang kita hendakkan ialah protection. Sebab bumiputra ini baharu sahaja melangkah di dalam dunia perindustrian, protection mestilah diberi sebab Kerajaan kata akan diberi perlindungan. Kalau tidak, kilang modal yang besar-besar ini akan makan modal yang sedikit ini—habis begitu sahaja. Itulah sebabnya di negeri Jepun pada masa dahulu sebelum perang, (masa itu saya berada di negeri Jepun) kilang-kilang kecil ini banyak bertabur. Hari ini habis dimakan oleh kilang yang besar-besar. Jadi dengan ini samada kilang-kilang bumiputra atau bukan, kita mestilah tengokkan supaya jangan dimakan oleh yang besar itu terutama sekali kilang-kilang bumiputra. Apabila barang-barang Kerajaan ini ditenderkan. Kerajaan mestilah menengokkan kalau misalnya keluaran itu betul-betul bumiputra punya, mestilah dipertimbangkan dengan sebenar-benarnya secara istimewa.

Begitu juga berkenaan dengan bahan-bahan. Bahan-bahan ini misalnya, satu orang bumiputra jadi kontraktor, dia tidak ada

bahan-bahan. Wholesale asing atas barang-barang ini, Tuan Yang di-Pertua, nanti berpakat kepada Akitek. Setengah-setengah akitek dia pakat, mesti pakai siling misalnya, siling buatan national sahaja boleh dipakai, lain daripada itu tidak boleh, sebab ini telah dipakat. Misalnya Hong Leong Finance, dia ada berniaga borong untuk menjual barang-barang. Dia telah berpakat dengan Akitek mengatakan pakai siling ini sahaja. Jadi, orang terpaksa beli di situ, kontraktor Melayu mesti pergi beli di situ, kontraktor lain pun mesti beli di situ. Dia naikkan harga, kita tidak boleh elak lagi. Kerajaan mesti siasat perkara-perkara seperti ini, kalau tidak semua orang jahanam.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan baik pun Perangsang ataupun PERNAS berjoint venture dengan orang asing foreigners. Orang asing ini gunakan tenaga PERNAS dan Perangsang ataupun UDA ataupun lain-lain sebab Kerajaan akan timbangkan ini (Government co-operation). Jadi, saya harap Tuan Yang di-Pertua, supaya Badan-badan begini, jangan dapat dikudakan oleh firma-firma asing, rugi kepada kita, terutama sekali bumiputra. Jadi ada competition pula dengan bumiputra kalau bumiputra hendak masuk ke satu-satu bidang, ada competition pula dengan PERNAS, Perangsang dan sebagainya. Ini bukannya tujuan Kerajaan mengadakan Perangsang dahulu, ini bukan tujuan Kerajaan mengadakan PERNAS, tujuan, PERNAS dahulu hendak menolong bumiputra dalam Perdagangan dan Perusahaan dan sebagainya. Ini Kerajaan mesti tengok kalau hendak dikatakan di sini di dalam tempoh 15 tahun yang akan datang, bumiputra akan mencapai sekurang-kurangnya 30% kekayaan negeri ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita menggalakkan industri, Menteri-menteri kita pergi ke luar negeri, panggil orang luar negeri datang ke Malaysia, Malaysia bagus, tempatnya bagus, tanam modal banyak-banyak. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua tahu, kilang-kilang yang ada sekarang kurang tenaga (power). Berapa banyak kilang di Petaling Jaya, di Batu Tiga yang saya tahu 3-4 hari tidak dapat bekerja. Ini merugikan sebab pekerja-pekerja mesti dibayar, gaji orang mesti dibayar, mesin yang sedang berjalan misalnya plastik kalau tidak ada tenaga habis rosak mesti dibuka semua mesinnya siapa hendak bayar? Orang-orang asing

bersungut; beginikah infrastruktur, belum-belum siap lagi. Saya cakap begini oleh kerana suka mencerca sahaja, bukan, kalau hendak fact saya boleh beri. Jadi sepatutnya Kerajaan mesti ganti rugi, Tenaga letrik tidak berjalan, notis pun tidak ada diberi. Oh sebab paras air di Perak itu sudah turun, turun, turun. Bukan turun, turun, turun di Port Dickson L.L.N. belum siap lagi power stationnya, sudah siap pun begini juga, bagaimana? Kedua, Tuan Yang di-Pertua, misalnya di Telok Panglima Garang ada dibuat Free Trade Zone Area. Dimasukkan industrialists ke dalam Free Trade Zone ini. Pihak Kerajaan bertengkar—satu department bertengkar dengan department lain; engkau besarkah atau aku besar, aku besarkah atau engkau besar, aku tidak hendak *Gazette* kawasan itu. Sungguhpun Menteri telah bersetuju tempat itu dijadikan Free Trade Zone Area. Disalahkan State Government apa sebab yang State Government tidak buat ini, rumah itu. Apa sebabnya belum ada fencing, fencing sudah siap belum juga di *gazette*. Kalau begitu bagaimana orang yang bermodal hendak menjalankan pekerjaannya? Pertelingkahan ini mesti dihentikan baik Kastam ataupun lain-lain, kalau tidak modal asing akan lari. Kita bertanya apakah sebab-sebabnya dia lari? Banyak sebab-sebabnya indah khabar dari rupa. Jadi, kesilapan-kesilapan ini mesti dibetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu berkenaan dengan pertanian haiwan dan nelayan. Saya telah bercakap dahulu berkenaan dengan pertanian. Kalau hendak menanam mesti kita berfikir dahulu. Barang yang ditanam ini bukan sahaja laku di dalam negeri, tetapi bolehkah laku di luar negeri? Kita ada Pejabat Pertanian, Pegawai Pertanian ataupun expert dalam pertanian. Tuan Yang di-Pertua cuba tengok kopi di negeri kita, Datuk Mansor ada di sini. Kita pergi ke Eropah, orang kata kopi, kita pun kata kopi. Orang ini mengoreng kopi di depan kedai, tetapi kopi apa yang digoreng, kopi kecil-kecil, halus-halus. Trade Mission kita mengatakan hendak jual kopi, kopi di Banting itu panjang-panjang, orang tidak mahu. Entah apa dia kata, Javanese coffeekah atau Malaysian coffee dan yang dia hendak entah Arabian coffeekah atau Brazilian coffee. Kita dahulu pakai cucuk, pakai tanam, pakai cucuk itulah sampai sekarang. Kenapa tidak mencari jalan kalau hendak menanam kopi; cari benih yang baik supaya boleh dapat

pasaran di luar negeri. Menanam kopi ini macam kita tanam getah. Tuan Yang di-Pertua, entah R32, R52, R58, R108, begitu juga kopinya. Jadi oleh sebab kesilapan kita, petani yang jahanam, pendapatan petani merosot. Apa sebab merosot? Orang kampung malas. Bukan malas, oleh kerana kesilapan kita juga. Jadi, apa yang saya kata dahulu Tuan Yang di-Pertua: Oh bangau! Oh bangau! apa fasal engkau termenung, aku termenung oleh kerana ikan tidak timbul; tanya ikan apa fasal tak timbul, macam mana hendak timbul, rumput panjang; apa fasal rumput panjang, kerbau tak makan aku; apa fasal kerbau tak makan rumput, perut aku sakit; apa fasal sakit, aku makan nasi mentah; apa fasal nasi mentah, sebab kayu basah; apa fasal kayu basah, jadi tak habis-habis, salahnya Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, saya ini pun hendak habis berucap oleh kerana beri peluang kepada Ahli-ahli yang lain.

Begitu juga koko Tuan Yang di-Pertua, Saya tahu koko kita aciditynya tinggi. Jadi kita mestilah kurangkan acidity koko ini supaya dapat pasaran yang lumayan di luar negeri. Saya kata begini bukannya saya buat research, tidak. Saya dengar cakap orang, saya tidak pandai, mendengar-dengar sahaja sebab itu saya cakap di sini entah betul entah tidak, tetapi betul. Jadi, saya haraplah kepada pihak yang bertanggungjawab untuk mengatasi perkara ini.

Begitu juga oil palm, Tuan Yang di-Pertua, nasib Pekebun-pekebun kecil samada orang-orang China, Melayu atau India dia telan bulat-bulat oleh orang tengah. Misalnya, di Banting, ramai Pekebun-pekebun kecil, tetapi kilang tidak ada, ke mana hendak dibawanya buah ini. Jadi, dia terpaksa menjual, kalau tidak busuk. Kalau lama-lama aciditynya bertambah tidak boleh dijual. Orang kata 8 sen sepaun pun terpaksa jual juga. Pasarannya pun mesti di tengok oleh Kerajaan. Ini cakap sahaja, suruh orang Melayu tanam oil palm, tanam oil palm, tanam oil palm, tetapi kilangnya tidak dibuat, apa hendak jadi. Saya tahu FELDA buat. Research hendak dibuat, adakah kilangnya atau tidak, kalau diproses di kilang estet, pihak estet tidak hendak, kerana dia tidak boleh terima lebih daripada capacitynya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, nelayan. Saya sudah berkata berkenaan dengan nelayan. Kita sudah 20 tahun merdeka, Tuan Yang di-Pertua, ini jugalah pukut tunda, pukut harimau; pukut tunda, pukut harimau, ikan bilispun sudah tidak ada lagi. Harga ikan bilis \$4.00 sekati pun habis. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, sekarang sudah sampai masanya kalau kita hendak menolong rakyat, betul-betul kita tolong samada nelayan Melayu, China, India dan sebagainya di dalam negeri kita. Buat kanlah satu syarikat yang benar-benar besar samada koperasi bagi menolong semua bangsa dengan mengadakan deep sea fishing. Kalau sekiranya tidak ada kemudi kapal, kaptain kapal ambillah bangsa asing sebagaimana yang dibuat di Taiwan dan Korea. Orang Korea dan orang Taiwan, bukan pandai, tetapi mengapa mereka boleh buat? Sekiranya kita tidak ada orang, boleh panggil orang lain. Sebenarnya kita ragu-ragu, kita hendak bertanya pakar itu dan pakar ini, dan pakar pula mengatakan tidak boleh, semuanya tidak boleh. Saya berharap betul-betul dijalankan perkara yang seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan haiwan janganlah berlaku seperti dahulu lagi iaitu mengambil lembu-lembu yang kurus untuk diberikan kepada orang kampung. Perkara ini saya sudah bercakap banyak kali, dan ini cuma hendak menolong orang Melayu seperti melepaskan batuk di tangga untuk mendapat undi. Perkara yang seperti ini tidak mungkin boleh berlaku, kerana orang kampung sekarang ini sudah cerdik dan pandai, mereka juga tahu masa hendak mengundi. Berilah lembu-lembu yang gemuk iaitu lembu susu, lembu daging, sebagaimana yang baru-baru ini dibawa dengan kapal terbang daripada Australia untuk dihantar ke mari. Lembu inilah yang patut diberi, bukannya lembu yang kurus, sengkek macam tulang rusuk saya sudah hendak keluar. Kalau sekiranya kurus di mana susu hendak keluar? Kita mesti beri susu padanya dan dia memberi susu kepada kita. Perkara yang seperti ini hanya Tuhan sahaja yang tahu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Trade Unions, perkara ini adalah mustahak dan Trade Unions ini mesti tahu akan keadaan negeri, sekiranya negeri sudah bagaimana caranya hendak bertindak. Kalau Trade Unions seperti di Italy tidak bertanggungjawab pada masa itulah kominis akan masuk, hari-hari strike dan hari-hari nilai

wangnya turun daripada 180 Lira kepada satu dollar Amerika. Jika Trade Unions berbuat seperti ini jahanamlah negeri ini. Mereka pula hendak memberi warning kepada Kerajaan dengan begitu begini. Kita tahu siapa sebenarnya Ketua Trade Unions. Dia dahulu datang bersama-sama tentera Inggeris ke mari dan menetap di sini, bumi-putra yang duduk di sini adalah mengetahui, tetapi kita pula yang hendak dipermain-mainkan dan kita pula hendak bertolak-ansur dengannya. Ini adalah disebabkan Kerajaan bersikap lemah dengan dia maka dia berbuat begini. Saya dengar dahulu daripada Yang Berbahagia Tun Tan Siew Sin mengatakan kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan lemah apa-apa rancangan tidak boleh dijalankan. Kita juga mesti betul-betul tegas samada dia CUEPACS atau Trade Unions yang lain. Kalau misalnya kominis masuk pada hari ini jahanamlah negeri kita. Buatlah strike dan gagalkan segala-galanya apa akibatnya yang akan terjadi. Perkara yang seperti ini adalah subversif, orang yang seperti ini Kerajaan tidak hendak pandang. Mengapa hendak dimesyuaratkan, apa yang hendak dimesyuaratkan, dia akan naik muka. Kerajaan terlalu bertolak-ansur. Saya bukan mengatakan tidak boleh naik gaji, saya suka jika semua orang naik gaji, sebab perniagaan akan berjalan dengan baik. Tetapi kita mestilah melihat masa, kalau misalnya Kerajaan susah nantilah dahulu, Kerajaan suruh tunggu selama enam bulan, maka hendaklah ditunggu tempoh itu, tetapi mereka ini pula hendak memberi amaran. Apa yang hendak ditakutkan kepada amaran sebagai satu Kerajaan seperti kita ini, tidak takut amaran walaupun daripada siapa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh berkenaan dengan bekas-bekas pasukan keselamatan. Di Taiwan bekas-bekas pasukan keselamatan betul-betul diambil berat dan disanjung tinggi oleh Kerajaan. Apa sebabnya? Kerana mereka telah menyang nyawa menentang musuh (kominis), semua jenderal-jenderal menjadi ahli persatuan bekas perajurit. Persatuan mereka ini adalah kuat betul kerana mereka ini pandai menembak, membunuh dan pandai semua sekali. Jadi apa salahnya, Tuan Yang di-Pertua, disebabkan mereka ini telah berjasa, mengapa tidak boleh dibuatkan satu syarikat yang betul-betul besar (syarikat gergasi), syarikat membuat uniform untuk supply kepada military, supply songkok kepada military,

supply kasut kepada military, polis dan sebagainya. Tetapi semuanya ini sekarang diberi kepada Tan Chong. Mereka yang telah buat jasa, tetapi Tan Chong yang mendapat untung. Ini tentu ada kesilapannya, tetapi entah di mana.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan saya sudah banyak bercakap barangkali sudah muak orang mendengarnya. Tetapi kalau saya hendak berleter mungkin boleh berleter lagi, tetapi ini bukanlah leter dan bukan cakap-cakap kosong, bahkan cakap-cakap yang ada memberi makna. Saya harap Kerajaan dapat meneliti apa yang saya perkatakan.

Saya sokong sepenuh-penuhnya Rancangan Malaysia Ketiga ini supaya rakyat Malaysia ini apa bangsa sekali pun yang duduk dalam negeri ini yang taat setia dapat hidup makmur. Saya juga berharap pegawai-pegawai Kerajaan dapat bekerjasama benar-benar sebagai enjin, machinery dan sebagai pemandu untuk menjalankan Rancangan Malaysia Yang Ketiga ini, mudah-mudahan dengan kita kerjasama itu maka rakyat Malaysia semua berdoa supaya kejayaan-kejayaan ini dapat dicapai.

3.59 ptg.

**General Tan Sri Abdul Hamid bin Bidin:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya bercakap pada hari ini. Saya juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memberi kepercayaan dan melantik saya sebagai Ahli Dewan Negara.

Saya berdiri di sini untuk memberi sepatah dua kata di atas Rancangan Malaysia Ketiga yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Persediaan rancangan ini telah mengambil masa yang begitu lama dan saya rasa meliputi berbagai-bagai aspek untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat Malaysia serta mengukuhkan lagi keselamatan negara.

Di sini saya suka menyentuh sedikit dalam masalah sosio-ekonomi. Laporan ini, Tuan Yang di-Pertua, telah menunjukkan iaitu 74% daripada orang yang termasuk bilangan miskin dari segi sosial ialah orang

Melayu. Saya percaya sebahagian daripada ini termasuklah anggota-anggota bekas pasukan keselamatan. Setahu saya pada masa ini bilangan bekas perajurit dan polis adalah banyak, saya tak dapat hendak memberi angkanya hari ini. Persatuan Bekas Perajurit Malaysia pun adalah mempunyai sehingga sekarang dua puluh ribu ahli yang berdaftar, mungkin banyak lagi daripada mereka itu yang belum berdaftar akan mendaftarkan diri mereka di masa hadapan. Mengikut anggaran saya, bekas-bekas perajurit yang ada pada hari ini ialah tidak kurang daripada lima puluh ribu. Ini termasuk mereka yang berkhidmat dalam pasukan tentera British dahulu serta Pasukan Volunteer, Home-guard dan sebagainya. Angka-angka ini akan bertambah dari se tahun ke setahun. Oleh yang demikian, mereka ini bolehlah dianggapkan sebahagian yang agak besar daripada jumlah bumiputra yang miskin dan memerlukan segala bantuan daripada pihak Kerajaan dan lain-lain. Boleh dikatakan sebilangan yang besar anggota angkatan tentera datangnya daripada golongan yang miskin yang tiada memiliki sebarang harta-benda. Mereka ini berkhidmat dalam angkatan tentera mengikut berbagai peringkat tempoh perkhidmatan (term of service) dan sehabis lama ialah 22 tahun. Kebanyakan daripada mereka mula masuk berkhidmat pada masa umurnya baru sahaja 20 tahun. Setelah cukup tempoh perkhidmatan 22 tahun, umur mereka baru sahaja meningkat 42 tahun. Dalam lingkungan umur ini anak-anak mereka tiada seorang pun yang telah lepas daripada sekolah keculi yang gagal dalam peperiksaan. Boleh dikatakan anak-anak mereka itu di dalam tingkatan menengah yang memerlukan wang yang banyak dan masa inilah mereka, askar tadi kena berhenti daripada perkhidmatan. Setelah berhenti tempat mereka mengadu untuk bantuan pelajaran anaknya ialah Persatuan Bekas Perajurit Malaysia. Pekerjaan yang selalu mereka ditawarkan ialah "JAGA" atau "GUARD" kerana askar biasa tidak mempunyai kecekapan yang lain dan kebanyakan bekas perajurit adalah daripada askar biasa (infantryman). Dibandingkan dengan pegawai Kerajaan yang lain, pegawai awam umpamanya mereka berhenti mengikut umur biasanya 55 tahun dan dengan tingkat umur ini sebahagian besar daripada anak-anak mereka telahpun berkelulusan sekolah: S.P.M. atau S.T.P. dan ada yang telah tamat pengajian tinggi di universiti.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada mereka berhenti setelah berkhidmat kurang daripada 21 tahun iaitu 10 tahun, 12 tahun, 15 tahun dan 18 tahun. Mereka ini cuma mendapat ganjaran sahaja tanpa menerima apa-apa pencen, dan masalah mereka ini menghadapi lebih kerumitan lagi daripada yang telah sudah daripada yang lain-lain. Sekembali mereka pula ke dalam masyarakat maka mereka ini masuk semula ke dalam golongan yang tidak berada. Dari mulanya tadi tidak berada, ada, lepas itu tak ada. Tanggungan mereka ini adalah lebih berat daripada masa mereka belum memasuki tentera dahulu oleh kerana mereka ini telah mempunyai keluarga sendiri. Mereka inilah yang betul-betul memerlukan segala bantuan untuk mendapatkan pekerjaan samada daripada Kerajaan ataupun pihak swasta dan sebagainya.

Saya suka maklumkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, mereka ini dalam tempoh perkhidmatannya sentiasa terdedah kepada bahaya semasa menjalankan tugas-tugas untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara daripada ancaman musuh, baik dari luar atau dari dalam negeri. Dalam masa mereka menjalankan tugasnya itu ada yang telah gugur, meninggalkan warisan dan juga ada banyak daripada mereka itu telah cacat dan cedera anggotanya dan tidak mampu membuat apa-apa pekerjaan. Pendek kata, mereka ini telah mengorbankan nyawa dan remaja mereka kepada negara. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, bekas perajurit sekarang ini menghadapi masalah sosial yang mana beban untuk mengatasinya patutlah dipikul oleh Kerajaan dan lain-lain pihak. Pada masa ini Kerajaan telah memperuntukkan quota sebanyak 20% kepada Pasukan Keselamatan untuk menyertai rancangan FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya merasa tidak puas hati di atas arahan baharu yang dikeluarkan oleh pihak FELDA yang menyatakan bahawa keistimewaan yang diberi kepada bekas-bekas perajurit untuk memasukinya sebarang rancangan tanah FELDA hanya berkuatkuasa dalam masa 5 tahun sesudah seseorang anggota tentera itu berhenti daripada perkhidmatan. Selepas itu permohonan mereka itu dianggap sebagai permohonan daripada orang biasa dan bukan sebagai bekas perajurit lagi. Saya sentiasa memandang berat di atas soal ini dan berharap, Tuan Yang di-Pertua, supaya pihak

Kerajaan akan dapat membuat sesuatu bagi membatalkan arahan itu. Sekiranya tidak dilakukan, maka banyak bekas perajurit yang telah lama berhenti tetapi dapat memenuhi syarat-syarat untuk menyertai rancangan tanah FELDA akan merasa hampa dan menambahkan lagi pengangguran, bukan sahaja di kalangan bekas perajurit bahkan penduduk negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada membatalkan arahan ini, saya juga bermohon agar Kerajaan Negeri akan menyediakan kawasan tanah khas bagi bekas-bekas perajurit seperti Rancangan Sungai Koyan di Pahang dan Rancangan Sawah di Seberang Perak. Maka dengan cara ini masalah sosio-ekonomi dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengeluarkan arahan melalui Pekeliling Bil. 19/1975 memberi qota untuk 31 jenis jawatan Kerajaan kepada bekas Pasukan Keselamatan. Pada pendapat saya arahan ini masih belum dilaksanakan dalam ertikata yang sebenarnya. Saya berharap pihak yang bertanggungjawab akan mengambil tindakan dengan seberapa segera bagi membaiki keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengetahui bahawa tugas-tugas Angkatan Tentera pada masa ini adalah semakin berat oleh kerana keganasan yang dilakukan oleh penganas kominis terutamanya di kawasan sempadan. Oleh yang demikian, maka banyak daripada perajurit-perajurit kita telah terkorban. Di atas perkara ini Kerajaan telah menghadiahkan wang sebanyak \$10,000 dan pencen seumur hidup kepada balu atau waris anggotatentera yang gugur. Di atas soal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan pada pihak-pihak yang berkuasa atau berkenaan supaya memikirkan sesuatu pemberian lain yang lebih menasabah di samping wang sagu hati seumpama tanah, rumah dan sebagainya untuk menambahkan incentive kepada perajurit-perajurit dan menghargai pengorbanan mereka apabila mereka itu gugur. Dengan jalan ini masalah perumahan kepada balu-balunya mereka akan diatasi dengan mudah.

Di atas soal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Perak ada memberi kemudahan wang sagu hati sebanyak \$2,500 atau tapak tanah kepada balu-balunya anak Negeri Perak yang

gugur semasa menjalankan tugas operasi. Ini adalah pemberian yang amat dihargai. Dan saya harap Kerajaan Pusat dapat menggalakan lain-lain Kerajaan Negeri untuk berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya telah sempat meneliti atau melihat dan membaca *Warta Kerajaan* Jld. 20 No. 6 Tambahan 17 (a) bertarikh 18hb Mac, 1976 berhubung dengan Ordinan Pembayaran Tahun 1951. Di dalam *Warta Kerajaan* ini saya telah mendapati bahawa bekas-bekas perajurit-perajurit juga adalah dikenakan separuh bayaran terhadap charge ward dan charge rawatan apabila mereka itu masuk hospital Kerajaan kecuali bekas-bekas perajurit yang berpendapatan kurang daripada \$380 sebulan semasa berkhidmat dengan tentera. Di samping itu, saya juga mendapati bahawa keistimewaan ini hanyalah diberikan kepada bekas-bekas perajurit yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 10 tahun.

Saya berpendapat bahawa jikalau Ordinan ini terus dijalankan, maka banyak daripada bekas-bekas perajurit tidak dapat keistimewaan yang telah dinikmati oleh mereka pada masa yang lampau oleh kerana sebab-sebab yang akan saya sebutkan ini:

- (1) Kebanyakan daripada bekas-bekas perajurit yang ada sekarang mempunyai syarat perkhidmatan (term of service) yang berlainan daripada syarat-syarat perkhidmatan yang berkuat-kuasa sekarang. Misalnya, pada masa dahulu, mereka ini dikehendakki bertugas selama lima tahun sepenuh masa dan 7 tahun simpanan. Setelah itu ditukarkan kepada 7 tahun sepenuh masa dan lima tahun simpanan. Tetapi syarat perkhidmatan sekarang ialah 10 tahun sepenuh masa dan 2 tahun simpanan.
- (2) Syarat perkhidmatan bagi Pegawai Tauliah Jangka Pendek (Short Service Commission Officers) adalah berlainan di antara dulu dengan sekarang. Dahulu mereka berkhidmat secara berperingkat untuk menggenapkan 10 tahun. Tetapi sekarang 9 tahun sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab faktor-faktor yang disebutkan tadi maka saya bermohon agar dapat pihak Kerajaan membuat kajian semula atas perkara ini. Kalau tidak tentu sahaja banyak daripada bilangan bekas

jurit yang tidak berkhidmat cukup 10 n tidak dapat kebahagiaan seperti yang kmatnya pada masa dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa jaran adalah merupakan satu asset yang na ke arah pembangunan negara. Apatah untuk memperbaiki keadaan sosio-eko- ni di kalangan bekas perajurit. Oleh yang nikian, Persatuan Bekas Perajurit telah ngeluarkan banyak wang yang berjumlah puluh-puluh ribu ringgit ke arah mengada- 1 pinjaman biasiswa bagi anak-anak ahli ng ingin ke universiti. Bantuan yuran pe- riksaan, bantuan biasiswa kecil dan se- gainya.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun demi- an, saya bermohon kepada Kementerian elajaran supaya memberi sedikit keistime- aan dan kelonggaran kepada anak-anak akas perajurit untuk memasuki asrama enuh di peringkat negeri mahupun Perse- utuan. Kerana dengan cara ini akan dapat ekas-bekas perajurit sedikit bantuan me- gurangkan perbelanjaan di atas memberi elajaran kepada anak-anak mereka dan anak-anak mereka itu pun tentu akan dapat imbingan yang lebih baik di bidang ini apa- bila tinggal di asrama yang penuh. Semoga dengan jalan ini, saya percaya keadaan pelar- an di kalangan anak-anak bekas perajurit akan bertambah maju dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap apa-apa uga yang saya katakan tadi Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menolong satu kumpulan manusia yang sen- iasia miskin.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya okong dengan sepenuhnya Rancangan Malaysia Ketiga.

4.20 ptg.

**Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul Rancangan Malaysia Ketiga ebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tua hari yang lalu.

Saya tidak mahu menyentuh banyak per- kara-perkara yang bersabit dalam Rancangan Malaysia Ketiga, sebab ramai rakan saya elahupun menyentuh tentang perkara-perkara adi. Saya cuma hendak membuat teguran entang beberapa perkara yang bersangkutan

juga dengan perkara-perkara dalam Ran- cangan Malaysia Ketiga terutama sekali ber- kenaan dengan beberapa perkara yang terjadi dalam Negeri Sabah baharu-baharu ini yang bertentangan dengan beberapa fasal dalam Perlembagaan Malaysia. Saya rasa setelah saya membuat kenyataan-kenyataan ini di Dewan yang mulia ini, mungkin Kerajaan Sabah akan membuat sebagaimana yang di- buat pada kali yang sudah beberapa tuduhan terhadap diri saya sebagai tindak balas. Saya suka membuat jawapan terlebih dahulu dan dicatitkan sebagai rekod di Dewan ini. Jawapan saya sebagai yang saya telah jawab sudah empat kali dalam masa satu tahun ini, iaitu tiga kali melalui kenyataan akhbar di Sabah dan satu kali di Dewan Undangan Negeri Sabah bahawa sekiranya sesiapa mempunyai bukti yang saya membuat salah daripada apa-apa pun, silalah ambil tin- dakan Undang-undang dan saya bersedia untuk menghadapi consequences.

Saya suka membawa perkara yang saya sebutkan tadi kepada rakyat Malaysia me- lalui Dewan ini tindakan-tindakan Kerajaan Sabah yang mana melanggar beberapa pe- untukan dan catitan dalam Perlembagaan Malaysia dan tindak-tanduk Kerajaan Sabah juga akan menjejaskan nama baik Malaysia, jika Kerajaan Malaysia tidak mengambil tindakan yang segera untuk meminta Kera- jaan Sabah menarik balik beberapa tindakan yang mereka buat yang mana akan melanggar bukan sahaja dasar-dasar Kerajaan Pusat tetapi juga yang saya sebutkan tadi Perle- mbagaan Malaysia. Dasar-dasar Kerajaan Malaysia ialah menggalakkan pihak-pihak swasta menanam modal sebanyak \$26 billion dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Saya rasa perkara ini mungkin susah diatasi terutama di Negeri Sabah, sebab tindakan Kerajaan Sabah baharu-baharu ini untuk mencuba me- rampas kawasan kayu balak yang dipunyai oleh orang-orang yang bukan di dalam parti Berjaya. Dengan percubaan-percubaan ini, maka sudah tentu perkara-perkara ini akan dibawa oleh mereka tadi yang mana harta- harta mereka dicuba untuk dirampas ke Mah- kamah Tinggi. Di Mahkamah pula publicity akan timbul di mana dengan jelasnya akan dapat kita lihat bahawa ini ialah kali yang pertama di dalam sejarah Malaysia di mana satu-satu Kerajaan Negeri cuba untuk me- rampas harta rakyat dengan tidak membayar ganti-rugi mengikut Perkara 13 Perlembagaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya membaca dalam bahasa Inggeris surat-surat yang dihantar oleh Conservator of Forests Sabah bagi pihak Kerajaan Negeri Sabah kepada sekurang-kurangnya 10 syarikat-syarikat kayu balak yang saya tahu setakat dalam masa dua hari ini yang berbunyi:

“CANCELLATION OF TIMBER LICENCE”

“The Government has undertaken a review of timber licences currently in force in the light of the New Economic Policy. The review brings under scrutiny the circumstances in which the licences were issued, the number of persons who benefit, the size of the area and the increases given, and the length of time for which the benefits of the licences have been enjoyed. In the case of your company, the special licence (No. so-and-so) for an area of (so-and-so) in the Kalabakan Forest Reserve.”

Saya tidak sebutkan berapa banyak tempat, sebab surat ini dihantar semacam kepada semua kompi yang saya tahu setakat ini sudah 10 atau 11 kompi, tetapi mungkin ada lebih daripada ini, sebab telex ini yang saya dapat dari Negeri Sabah pagi tadi.

“It is noted that your company has a total outstanding royalty account in the sum of (so many thousand dollars) in breach of the Clause (1) of the condition of special licence issued to your company.”

Tetapi tentang breach ini dipublicatekan sahaja. Sebab, mengikut information yang saya dapat tentang surat-surat ini paragraph 3 yang saya baca tadi menunjukkan “There is no outstanding royalty, except three bills, which will fall due after August 17th.” Jadi surat itu pun tidak diberi lagi, cuma dituduh sahaja jadi satu cara, satu masalah untuk merampas balik harta-harta mereka tadi.

“(4) Under Rules 4 (3) of the Forest Rules, 1969, a licence may be cancelled at any time by the Conservator of Forest for breach of non-compliance with any of the conditions of the licence, and in the exercise of my power under those Rules, I hereby cancel the licence issued to your company”.

“(5) However, as the area is being operated despite the legal position, and without prejudice thereto, Government is prepared to let you continue to operate

your present coop, up till December, 1976, by which time, or completion of your coop, whichever the earlier, your company is to stop felling. All timber should be removed from your licence area and the area completely vacated. Any entry into timber operation or remaining in the area after that date will render your company or those working on your behalf liable to prosecution under the Forest Enactment, 1968, and machinery and equipment liable to confiscation and forfeiture.”

Ini sebagaimana yang saya sebutkan tadi ialah sebagai satu cara yang tidak mengikut peraturan ataupun undang-undang. Sebab royalti bill itu cuma patut dibayar setelah 17hb Ogos, tetapi cuma dibuat cara ini supaya mereka dapat mengambil alih balik harta-harta ataupun tanah-tanah yang dimiliki oleh orang-orang yang menjadi lawan mereka. Jadi, nampaknya Kerajaan Sabah bertujuan, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, untuk merampas harta-harta orang swasta yang mana telah menanam modal berjuta-juta ringgit dengan membeli traktor dan perkakas-perkakas lain untuk membalak. Perbuatan merampas harta dengan tidak membayar gantirugi ialah bertentangan dengan Perkara 13 Perlembagaan Malaysia, iaitu:

- “(1) Tidak seseorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut Undang-undang.
- (2) Tidak sesuatu undang-undang pun boleh membuat peruntukan bagi mengambil atau menggunakan harta-harta dengan paksa dengan tidak pampasan yang mencukupi.”

Jika sekiranya Kerajaan Sabah berkata yang mereka merampas harta-harta tadi mengikut Undang-undang Forest Enactment ataupun Forest Rules, 1969 maka sudah bertentangan dengan peraturan ataupun undang-undang tadi yang berlawanan dengan Perkara 13 Perlembagaan Malaysia.

Mengikut Perkara 4 (1) Perlembagaan Malaysia yang berbunyi:

“Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka dan yang berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu.”

Perkara 8 Perlembagaan Malaysia juga bersabit dengan hal ini yang mana berbunyi:

“8 (1) Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.”

Di sini sudah jelas undang-undang tidak berbeza samada sesiapa pun orang itu, dari satu parti ataupun dari satu kaum samada rakyat Malaysia ataupun tidak ataupun Kerajaan sendiri pun sama di sisi undang-undang.

Jadi, nampaknya apa yang dibuat oleh Kerajaan Sabah ialah berlawanan dengan Perlembagaan Malaysia. Mereka membuat dengan secara paksa seolah-olah merekalah sahaja berhak untuk membuat apa-apa sahaja sesuka hati dengan tidak menurut Undang-undang Perlembagaan. Mereka berkata yang Kerajaan sudah menarik lesen kayu balak mengikut kehendak Dasar Ekonomi Baru tetapi mana-mana pun Kerajaan Negeri dalam Malaysia tidak boleh merampas harta orang untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru. Ini mungkin tidak difaham dengan jelas oleh mereka. Oleh sebab itu, saya hafap Kerajaan Persekutuan Malaysia terpaksa campurtangan untuk menasihati Kerajaan Sabah supaya jangan mengambil tindakan yang bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia.

Saya suka membawa pandangan kepada Dewan yang mulia ini kepada Perkara 75 Perlembagaan Malaysia yang mana berbunyi:

“Jika mana-mana undang-undang Negeri adalah berlawanan dengan sesuatu undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Persekutuan itu hendaklah dipakai dan undang-undang Negeri itu hendaklah terbatal, setakat mana ianya berlawanan dengan undang-undang Persekutuan itu.”

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi tindakan merampas harta yang baru dibuat oleh Kerajaan Sabah akan menjejaskan nama baik Malaysia di sisi orang-orang perniagaan dan juga kerajaan yang berdemokrasi di seluruh dunia. Ini akan juga mengeciwakan tujuan Kerajaan Malaysia dan Rancangan Malaysia Ketiga untuk mencari penanaman modal dari pihak swasta yang sebanyak \$25 million itu. Jikalau sekiranya Sabah dapat merampas harta pihak swasta dengan sewenang-wenangnya, maka sudah tentu akan timbul keraguan pihak swasta yang lain yang

pada satu masa nanti lain-lain harta pun akan dirampas pula. Dengan itu, Kerajaan Sabah tidak lagi berpatuh dengan Undang-undang Perlembagaan yang tercatat dalam Perlembagaan Malaysia.

Barangkali ada di antara kita yang berkata mengapa perkara ini tidak dibawa ke mahkamah? Ya, perkara ini sudah tentu akan dibawa ke mahkamah. Tetapi saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini bukan semua orang mampu pergi ke mahkamah, tetapi bagi tuanpunya-tuanpunya kayu balak itu sudah tentu akan mampu pergi ke mahkamah, tetapi saya bercakap secara umum berkenaan dengan hal negeri Sabah ini. Satu daripada sebabnya yang sukar hendak pergi ke mahkamah bagi kebanyakan orang negeri Sabah ialah kekurangan peguam-peguam yang ada di sana dan ada pula peguam-peguam yang tidak mahu mengambil apa-apa kes yang berlawanan dengan Kerajaan Negeri Sabah kerana takut bahawa Kerajaan Sabah akan mengambil tindakan balas dengan secara langsung ataupun tidak langsung. Ketakutan ini berada. Jikalau sekiranya kita hendak mengambil peguam dari Semenanjung Malaysia mengikut peraturan, seseorang itu mestilah mengambil peguam dalam negeri Sabah dahulu, kemudian peguam daripada negeri Sabah sendiri akan mengambil peguam dari Semenanjung Malaysia. Kita tidak boleh mengambil peguam daripada Semenanjung Malaysia dengan terus-menerus, tetapi Kerajaan Sabah pula berhak menggunakan kuasa imigresen untuk menahan tiap-tiap orang yang hendak masuk ke dalam negeri Sabah termasuklah peguam.

Lagi satu perkara, kes yang berasal dalam negeri Sabah tidak dapat diambil tindakan di Semenanjung Malaysia sebab mahkamah di Sabah dan Sarawak adalah berasingan dari mahkamah di Semenanjung Malaysia. Sekarang ini kita ada dua buah High Court; sebuah Court negeri Sabah dan Sarawak dan sebuah lagi di Semenanjung Malaysia. Ini saya harap akan diambil perhatian oleh Kementerian Undang-undang Malaysia supaya harga keadilan (the price of justice) tidak begitu mahal di negeri Sabah. Saya harap Kementerian Undang-undang akan mencari jalan supaya mahkamah-mahkamah di seluruh Malaysia disatukan dan tindakan undang-undang boleh dibawa dari mana-mana tempat di Malaysia daripada apa-apa perkara pun. Jadi tidaklah lagi berasingan

seperti sekarang ini, kalau tidak, harga keadilan tidak akan tercapai untuk sebahagian besar daripada rakyat Malaysia di Sabah. The cost of getting justice will be beyond the reach of the majority of the people of Sabah. Atas perkara ini, saya harap Kerajaan Pusat akan mengambil tindakan dengan seberapa segeranya, sebab apa yang saya sebutkan tadi dalam perkara mengambil balik kawasan kayu balak, ada seorang yang bernama K. Y. Lee, iaitu sahabat karib kepada seorang ahli politik di Sabah sudah menjaja-jaja untuk menjual tanah kawasan kayu balak yang dicadang untuk dirampas itu kepada beberapa syarikat luar negeri. Saya harap dengan tindakan yang cepat maka perkara yang buruk ini akan dapat dielakkan.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang saya suka membawa kepada pandangan Kerajaan Pusat melalui Dewan yang mulia ini ialah tentang cara-cara membeli barang-barang yang digunakan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga di negeri Sabah. Pada masa ini Kerajaan Negeri telah melantik beberapa syarikat yang mana saudara-saudara Menteri-menteri mempunyai saham dalam syarikat-syarikat itu dengan mana semua barang-barang yang dibeli oleh Kerajaan mestilah melalui syarikat-syarikat itu yang digelar sebagai "Sole Suppliers to Sabah State Government." Syarikat-syarikat itu akan mengambil komisyen sebanyak 15% daripada barang-barang yang dibeli melalui syarikat-syarikat itu dan diberi directive Kerajaan mesti beli melalui syarikat-syarikat itu. Dengan cara ini beberapa syarikat ini barangkali dalam 10-15 sahaja akan dapat mengambil komisyen hingga \$30 juta satu tahun ataupun \$150 juta dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Saya harap perkara ini akan mendapat perhatian Kerajaan Pusat dengan segera . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 4.40 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.04 ptg.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya suka membawa perhatian Dewan yang mulia hari ini kepada beberapa keluaran akhbar di Sabah yang mana dipunyai oleh Naib Pengerusi Parti Berjaya. Akhbar ini dengan terang-terang membawa perkara-perkara yang sensitif yang mana saya meminta izin untuk membacanya di sini untuk pengetahuan Dewan ini:

"Less and less for Malaysia's Minorities" yang dikarang oleh David Endelment. "Chim Nam, a 74 years old farmer in a village 10 miles from Ipoh in Northern Malaysia has never been allowed to own his land. Now the area that includes the field he tends illegally has been placed under curfew and he must be back in his tiny home in the village, Tanah Hitam, by 5 p.m. There is not much Nam, who scratches a living of barely \$100 a month from his land, can do. There is something that Dr Tan Sing, an internee here in the capital who like Nam is an ethnic Chinese, can do—he can leave Malaysia."

"Thousands of professional people have been driven out by the same forces of bigotry and racial suspicion that are making Nam's life so miserable. Those forces are a major element of the current anti-communist repressions here, in the priorities of the Malaysian development programme, in the education and business throughout the country. Government officials maintain that bumiputraisiation is designed to redress the balance. In recent years and particularly this year, there have been a number of changes openly designed to hold back the Chinese and advance the Malays."

Jadi, saya tidak hendak baca kesemuanya, Tuan Yang di-Pertua, akhbar ini dengan terang-terang membawa perkara-perkara yang sensitif dan karangan-karangannya yang begini selalu terdapat yang mana melaga-lagakan satu rakyat Malaysia dengan lain, melaga-lagakan orang China dengan

rang Bumiputra tetapi yang hairannya megapakah pihak Polis Sabah tidak mengambil tahu apa-apa ataupun tidak mengambil tindakan langsung berkenaan dengan perkara ini. Jadi, saya harap dengan perhatian yang diambil oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri perkara yang begini akan dapat dihentikan.

Satu lagi perkara yang saya suka menarik perhatian kepada Dewan yang mulia ini, ialah tentang kenaikan tambang kapal terbang Syarikat Penerbangan MAS. Baharu-baharu ini MAS menaikkan kadar tambang 15% bagi Kelas Ekonomi dalam negeri dan 40% bagi tambang Kelas I dalam negeri. Ini adalah kenaikan yang paling tinggi sekali ataupun satu daripada kenaikan yang paling tinggi di dalam mana-mana tempat di dunia ini. Lebih mahal kalau kita hendak pergi balik ke Sabah daripada pergi dari Kuala Lumpur ke London, murah lagi kalau hendak pergi dari Kuala Lumpur ke London cuma \$550 sahaja. Jadi, kalau hendak pergi balik di negeri Sabah kalau Kelas I dekat \$900. Kalau Kelas Ekonomi samalah tambang hendak pergi ke London. Sungguhpun kita lihat tambang di tempat lain begitu tinggi, tetapi semua orang tahu tiap-tiap penerbangan di luar Malaysia boleh mendapat discount dari Syarikat Penerbangan Antarabangsa yang selalunya tidak kurang kita dapat discount sampai 30%. Syarikat Penerbangan MAS sendiri memberi discount hingga 30% sewaktu membuat penerbangan di luar negeri.

Jadi, sekarang kalau saya pergi ke Hong Kong kalau daripada Hong Kong hendak pergi ke Tokyo tetapi beli tiket di Hong Kong, saya boleh dapat 30% discount. Saya menunjukkan ini sebagai contoh, sebab polisi Kerajaan ialah tidak hendak memberi lain-lain syarikat penerbangan dalam Malaysia, jadi kita terpaksa gunakan MAS dan dengan cara itu kita tidak dapat memilih dan tambangnya tinggi.

Satu contoh lagi ialah berkenaan dengan penerbangan MAS ke London yang saya tahu di dalam beberapa tahun yang lalu ini penerbangan kita ke London selalunya jarang memberi keuntungan bahkan selalu rugi dan kadang-kadang balik modal. Sungguhpun penumpang-penumpang yang pergi ke London itu selalu penuh. Sebab lebih kurang 30% penumpang yang terbang ke London ialah dengan percuma dan yang lain-lain pula dapat discount. Tetapi yang terangnya pe-

numpang-penumpang dalam negeri terpaksa membayar tambang yang tinggi untuk menutup kerugian ataupun memberi untung yang kecil kepada penumpang di luar negeri. Jadi penumpang dalam negeri ini "subsidise" penumpang-penumpang di luar negeri. Kita yang "subsidise", kita yang beri untung, jadi keuntungan yang dapat oleh MAS itu boleh dikatakan banyak dari dalam negeri. Ini saya rasa satu perkara yang patut dibetulkan, sebab kita tidak dapat memilih dan Kerajaan tidak membenarkan syarikat airlines datang ke Malaysia untuk compete dengan MAS dan dengan cara itu kita terpaksa kenakan bayaran yang tinggi. Saya harap Kerajaan akan menimbangkan perkara ini dan jikalau perlu, kalau perjalanannya kita ke London itu merugikan—tidak menguntungkan, tidak perlu kita pergi ke London, lebih baik stop langsung. Buat sahaja perniagaan di mana yang kita boleh mendapat untung. Saya rasa kalau kita hendak pergi ke London untuk prestigious, kita tidak perlu. Apa yang kita hendak buat prestige, kalau kita rugi ataupun kita menyusahkan rakyat kita dengan tambang yang begitu mahal. Pada hal, saya rasa satu daripada tugas Kerajaan ialah merapatkan rakyat, memberi kesenangan perjalanan terutama sekali di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah, Sarawak dan sebaliknya patut dikecilkan lagi tambangnya supaya rakyat dapat pergi dan datang dan dengan cara itu, dapat kita menyatu-padukan satu bangsa Malaysia yang kukuh.

Syarikat Penerbangan MAS sebagai satu badan perniagaan patut mencari untung di luar negeri, tetapi memberi perkhidmatan yang murah di dalam negeri sebagaimana yang saya sebutkan tadi, rakyat Malaysia terutama di Sabah dan Sarawak yang terpaksa datang ke Ibu Kota Malaysia pada selalu masanya akan dapat menikmati tambang yang murah dan dengan cara ini ramai orang akan dapat pergi ke sana sini di dalam Malaysia.

Lagi sekali saya memohon untuk mengucapkan terima kasih dan menyokong usul Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

5.15 ptg.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul Rancangan Malaysia Ketiga ini

tetapi apa yang saya hendak katakan ialah hanya beberapa masalah sahaja, oleh kerana banyak yang sudah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Masalah yang paling penting ialah masalah ekonomi.

Bahawa Rancangan Malaysia Ketiga ini hendaklah benar-benar menumpukan perhatian kepada pembangunan kawasan miskin. Maka satu faktor yang telah didapati di luar bandar sekarang ini ialah terlalu kurang tenaga orang-orang muda untuk mengerjakan kerja-kerja pertanian. Hampir semua kerja-kerja itu sekarang, ini dikendalikan oleh tenaga-tenaga yang sudah tua. Dalam segala bentuk industri pun faktor yang menjayakan ialah kesediaan tenaga yang ada bagi pembangunan-pembangunan itu. Dalam hal ini jelas bahawa sektor pertanian yang pesat mahu dibangunkan, tetapi anihnya tenaga-tenaga belia yang sangat diperlukan itu mencurah-curah ke bandar-bandar sahaja. Gejala ini bukanlah terhad kepada pemin-dahan belia-belie yang mempunyai kelulusan tinggi, bahkan mempunyai kelulusan minima pun berlumba-lumba mahu mendapat pekerjaan-pekerjaan di bandar-bandar.

Tuan Yang di-Pertua, cubalah kita gambarkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini pertentangan di antara hasrat Kerajaan dengan kenyataan yang ada di luar bandar, malahan ramai ibubapa yang menyatakan seolah-olah mereka mahu membakar kilang-kilang yang telah mencuri anak-anak mereka yang bekerja di kilang-kilang tersebut. Dengan gaji yang rendah dan ibubapa tidak boleh berbuat apa-apa, tetapi satu tugas yang paling besar harus dikendalikan oleh Kerajaan ialah mengujudkan jalan serta usaha-usaha bagi mengekalkan belia-belie kita dari berpindah ke bandar-bandar dengan memberikan pilihan pekerjaan yang stabil di mana dengan paling kurangnya gaji dan kemudahan yang minima yang diperolehi jika mereka bekerja di kilang-kilang.

Bersabit dengan itu juga adalah tanggung-awab Kementerian Pelajaran agar melahirkan dan mengujudkan pelajar-pelajar yang apabila ia keluar sekolah sahaja, maka mempunyai minat yang besar terhadap usaha-usaha membangun sektor pertanian dan menghapuskan sangkaan dan harapan mereka yang semata-mata mahu mencari pekerjaan di bandar-bandar. Walaupun

mereka mengetahui kelulusan mereka itu tidak diterima untuk pekerjaan yang bergaji tinggi di bandar, tetapi mereka itu sanggup bekerja walaupun dengan gaji yang rendah.

Sebagai contoh didapati di kawasan-kawasan yang telah pun diterima semula dengan getah-getah yang baharu, jenisnya baik dan telah boleh ditoreh, tetapi kedapatan bahawa tanah-tanah yang ditanam semula itu tidak ditoreh sepenuhnya, oleh kerana yang sanggup menoreh cuma ibubapa yang sudah tua-tua dan kurang ber-tenaga. Dengan akibat ini, pendapatan yang sepatutnya boleh diperolehi tinggi, tetapi jelas pula mereka masih memperolehi pendapatan yang rendah. Tindakan akhir apa yang telah dibuatkan oleh ibubapa itu pula ialah memajakkan tanah mereka itu dengan pendapatannya dibahagi dua dengan orang-orang yang mengerjakan getah. Jadi sekali lagi rugi walaupun hasil mereka bertambah, tetapi pendapatan-pendapatan orang-orang kampung itu tetap rendah, kerana terpaksa dibahagi dua dengan orang-orang yang punya tanah dan yang mengerjakan tanah. Dengan itu jika hal ini berlaku berterus-terusan, tidak akan sampai pada bila-bila masa pun orang-orang kampung boleh keluar daripada golongan apa yang dikatakan miskin. Jadi implikasi tindakan inilah sebarang tindakan Kerajaan membangunkan sektor pertanian ini sekiranya tidak cukup tenaga-tenaga pekerja yang cekap dan bilangan yang cukup, maka selagi itulah sektor pertanian itu boleh maju dari segi fizikal sahaja. Tetapi masyarakat masih tetap berada dalam golongan miskin. Ini adalah sangkut-paut iaitu usaha pembangunan ekonomi dari sektor pertanian dan pembekalan tenaga pekerja-pekerjanya yang boleh melahirkan melalui sikap anak-anak yang positif terhadap kegiatan pertanian melalui pelajaran-pelajaran yang diperolehi di sekolah-sekolah sangat rapat pertaliannya itu. Dalam keadaan ini, adalah disyorkan bahawa curriculum persekolahan mestilah diubah-suaikan kepada penyediaan tenaga-tenaga yang diperlukan tenaga mereka dan priority pada masa itu ialah di sektor miskin iaitu pertanian di luar bandar yang anihnya kalau sektor pertanian menjadi tumpuan Kerajaan, tetapi tindakan Kerajaan mengujudkan industri dan menarik belia-belie luar bandar ke bandar bekerja di kilang-kilang itu adalah tindakan yang bertentangan. Walhal ini juga perlulah dikaji semula iaitu perihal kilang-kilang yang

memberi gaji yang rendah kepada belia-belia kita di bandar-bandar itu, kerana tenaga-tenaga itu adalah lebih perlu di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya berpindah kepada perkara lain. Sejak Rancangan Malaysia Pertama sampai meningkat Rancangan Malaysia Kedua, maka sekarang sudah datang pula Rancangan Malaysia Ketiga, tetapi yang paling anihnya sudah menjadi amalan bapa-bapa Menteri dan orang-orang kenamaan apabila mahu mengadakan sebarang jamuan ataupun keramaian, maka sudah pastilah mereka akan menjemput tender-tender atau pihak-pihak yang sudah maju untuk menyediakan segala kemudahan-kemudahan yang mereka perlukan itu. Perkara ini memanglah baik kerana ia memberikan imej yang baik di setiap yang menjadi tuan rumah dan kepada yang hadir. Kegiatan yang semacam ini sangat sedikit dapat mencapai matlamat untuk menolong bumiputra iaitu menaikkan taraf ekonomi mereka. Maka dengan ini adalah disyorkan kalau benar-benar Kerajaan hendak membela bumiputra, maka kontrek-kontrek yang berbentuk demikian itu diberikanlah kepada golongan bumiputra agar mereka lebih baik dan lebih banyak boleh menjadi pembekal-pembekal yang bertaraf lebih maju. Kalau kita tidak memulakannya, sia-sia sahajalah cakap-cakap kita tinggal cakap-cakap sahaja, untuk membangunkan bumiputra agar maju dalam bidang ini saya yakin tidak akan dapat dilaksanakan. Saya rasa tentu dijawab oleh pihak yang berkenaan kerana tidak ada orang-orang yang boleh mengambil kontrek. Tetapi tidakkah Kerajaan sedar seperti W.I., Perbadanan-perbadanan Kebajikan Wanita ada yang mempunyai tenaga yang cekap yang boleh menyediakan seperti orang lain menyediakan kontrek-kontrek makanan yang sentiasa diberi layanan itu. Dengan ini dapatlah Kerajaan memikirkan, sebab orang yang cekap dalam badan-badan ini telah merasa pudar hati kerana hanya kalau ada pun yang mahu berkontrek kepada mereka ialah yang kecil-kecil sahaja, sedangkan yang besar lepas ke tangan orang-orang lain. Adakah masakan orang Melayu tidak setanding atau tidak standard, tidak lazat seperti masakan di hotel-hotel besar. Kalau ini cara pemikirannya maka saya amatlah tidak setuju dan semua orang juga tidak setuju termasuk bapa-bapa Menteri juga tidak bersetuju, dan yang berbuat demikian juga tidak bersetuju.

Jika benar-benar hendak membela bumiputra biarlah kontrek-kontrek ini dipilih daripada bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh masalah berkaitan dengan penerangan. Adalah didapati daripada kajian-kajian yang telah dibuat bahawa masyarakat luar bandar yang ada memiliki radio sudah kurang mendengar warta berita hari ini. Ini menimbulkan tanda-tanya yang kita buat apakah matlamat warta berita yang kita buat itu walhal messagenya tidak didengar oleh majority masyarakat luar bandar. Mereka nampaknya lebih berminat kepada rancangan-rancangan lain yang kurang serious motifnya, mungkin ini adalah satu faktor yang menyebabkan mereka sudah tidak menumpukan kepada rancangan warta berita ialah kerana teknik warta berita itu yang disampaikan tidak lagi menarik perhatian mereka sehingga ciri-ciri perkataan yang digunakan dalam pembacaan berita itu adalah terlalu sukar untuk difahami. Sebagai satu contoh, baru-baru ini ada warta berita yang saya dengar pada 21hb Julai 1976 jam 8.00 pagi, yang mengandungi perkataan seperti, potensi, viable, cost, sekim, objektif dan lain-lain perkataan. Ini kepada orang-orang kampung tidak memberi apa-apa pengertian kepada mereka, tambahan lagi penduduk-penduduk di luar bandar mengikut penyelidikan yang dijalankan oleh Pusat Pengajian Pembangunan di Jabatan Perdana Menteri sendiri dapat melihat pelajaran yang cukup rendah dan boleh dikatakan dengan istilah "buta huruf". Jadi, apa-apa message yang hendak disampaikan oleh Kerajaan melalui meja radio tidak dapat diterima oleh masyarakat luar bandar.

Satu lagi perkara yang cukup nyata bahawa rancangan radio itu tidak banyak yang berorientasi pembangunan pertanian yang boleh diminati oleh penduduk-penduduk luar bandar. Apa-apa rancangan-rancangan pertanian yang dibuat melalui radio, T.V. adalah semata-mata berbentuk propaganda pertanian sahaja, tetapi tidak melahirkan kesan-kesan pembangunan masyarakat. Oleh itu, adalah disyorkan Kementerian Penerangan dapat menyemak semula rancangan-rancangan yang hendak dibuatnya agar ia betul-betul dapat melahirkan message pembangunan masyarakat dan kegiatan pembangunan di luar bandar dan tidak lagi semata-mata hanya berbentuk propaganda.

Bersabit dengan itu juga rancangan-rancangan yang disalurkan berbentuk ugama ugama masih terlalu kurang, walhal adalah didapati masyarakat luar bandar memegang teguh kepada nilai-nilai ugama yang tinggi dan adalah juga didapati bahawa golongan-golongan ugama di luar bandar juga tidak mengigunakan sepenuhnya untuk kegiatan pembangunan mereka. Kita tahu masyarakat di luar bandar masih memandang tinggi terhadap ajaran-ajaran dan pimpinan-pimpinan yang dibawa yang terdiri daripada golongan alim ulama.

Ada satu lagi masalah yang akhir sekali iaitu tidak lama lagi akan datang kepada kita satu masalah iaitu TV berwarna yang akan dimulakan rancangannya di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Kita menyalu-alukan sebagai tanda negara kita telah meningkat setapak maju ke hadapan. Untuk mencapai kemajuan ini apa yang saya sangat sangsikan dan yang saya harapkan matlamat yang hendak dicapai melalui tindakan ini biarlah betul-betul mendapat segala nikmat-nikmat pembangunan yang disebutkan itu kepada golongan yang mampu dan kaya, dan bilangan mereka terlalu kecil di negara ini. Perhatian yang berat patut diambil oleh pihak Kerajaan dalam sesuatu hal dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini dapat dinikmati oleh golongan-golongan masyarakat di luar bandar. Dengan ini dapatlah sanjungan yang tinggi daripada pihak rakyat sekalian.

5.30 ptg.

**Dr Lim Ah Sitt:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri atas Rancangan Malaysia Ketiga yang sedang dibahaskan.

Bagi menyokong usul ini, saya suka menyatakan bahawa Rancangan Malaysia Ketiga iaitu peringkat kedua dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru adalah sambungan daripada Rancangan Malaysia Kedua tetapi dengan lebih lengkap, lebih progresif dan lebih sempurna implikasinya. Kita difahamkan bahawa Rancangan Malaysia Ketiga mempunyai tiga tujuan atau objektif seperti:

- (i) Serangan besar ke atas kemiskinan.
- (ii) Usaha dinamis dan kuat untuk menyusun semula struktur masyarakat.

(iii) Memperkuatkan keselamatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kali pertama bahawa masalah keselamatan dijadikan tujuan dalam rancangan sosio-ekonomi. Ketiga-tiga tujuan dalam Rancangan Malaysia Ketiga adalah semuanya penting dan berkaitan di antara satu sama lain dan hendaklah dilaksanakan serentak jika kita hendak mencapai kejayaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Kita mengakui bahawa keselamatan negara kita bertambah buruk sedikit dibandingkan dengan zaman ketika Rancangan Malaysia Kedua diperkenalkan, kerana bertambahnya ancaman subversif, anti-nasional dan kominis militan. Adalah diingatkan bahawa jika tidak ada keselamatan negara yang kukuh, negara kita tidak boleh mencapai rancangan sosio-ekonomi dan projek-projek tertentu, sebaliknya dengan tidak ada rancangan sosio-ekonomi yang kukuh bagi membasmi kemiskinan, meninggikan taraf hidup rakyat dan menyusun semula struktur masyarakat bagi menghapuskan semua yang tidak seimbang yang boleh mendatangkan tidak puas hati dan huru-hara sosial akan menjadi masalah tambahan dalam keselamatan negara kita.

Dalam perjuangan terhadap menentang subversif, anti-national dan kominis militan, kita jangan lupa ajaran-ajaran yang kita pelajari daripada Perang Vietnam iaitu kekuatan military sahaja tidak boleh menundukkan atau memerangi kominis militan. Kita hendaklah memperjuangkan serta memperbaiki masalah-masalah menyusun semula struktur sosio-ekonomi bagi dinikmati rakyat jelata semua bangsa, bagi mencapai taraf hidup yang lebih baik dan membolehkan mereka memperolehi tempat dalam negeri di mana mereka bermastautin. Kita hendaklah menuju dengan adil dan patut menyusun semula struktur masyarakat bagi semua rakyat berbilang bangsa, memenangi hati rakyat supaya mereka bersatu padu dan setia kepada negeri ini. Kita jangan membenarkan satu bangsa atau sebahagian daripadanya menguasai (dominate) menindas (suppress) atau mempergunakan atau memperbeza-bezakan satu sama lain bangsa atau sebahagian rakyat dalam segenap lapisan kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, kita memahami dengan puas hati kemajuan dan kejayaan yang ada yang dicapai dalam Rancangan

Malaysia Kedua tentang tujuan membasmi miskin dan penyusunan semula struktur masyarakat khususnya yang ditujukan kepada orang Melayu dan Orang Asli dalam berbagai bidang iaitu pelajaran kemajuan tanah, pertanian, perindustrian, perdagangan, perkhidmatan pembinaan, memiliki saham dan lain-lain dari berbagai perbadanan awam dan agensi seperti MARA, PERNAS, ELDA, FELCRA, UDA, FIDA, Bank Bumiputra, Bank Pertanian dan lain-lain. Sebaliknya ada dirasai bahawa rakyat yang miskin bumiputra adalah harus sedikit dilalaukan. Kemudahan-kemudahan yang diberi kepada mereka dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua adalah kecil dan tidak mencukupi bagi membasmi kemiskinan di dalam bandar dan di luar bandar dan juga di dalam bidang menyusun semula struktur masyarakat. Mereka merasa kekecewaan disebabkan kelakuan yang lebih bersemangat, yang lebih penentangan dan tidak seimbang, tidak adil yang diperdayakan di peringkat rendah dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua.

Saya bergembira bahawa Kerajaan kita mengetahui hal-hal yang tidak memuaskan yang saya sebutkan tadi, dan ini telahpun disemak untuk diperbaiki dalam Rancangan Malaysia Ketiga tentang pembasmian kemiskinan kepada desa, kampung-kampung baru, pemilik-pemilik estet kecil, peniaga-peniaga, pekerja-pekerja dan lain-lain. Dan di sini saya suka mengemukakan cadangan saya tentang sedikit masalah berikut:

### (1) Perumahan

Kita mengetahui kekurangan yang amat rumit dalam perumahan sungguhpun bertambahnya bilangan unit perumahan yang didirikan oleh Kerajaan dan sektor swasta berkenaan. Ini adalah benar di dalam kawasan bandar di mana rakyat miskin duduk di dalam bilik yang amat kecil (cubicle) penuh sesak (overcrowded) dan di dalam keadaan tidak sihat (unhygienic). Ini adalah pemandangan yang sedih yang patut diambil tindakan segera. Lebih-lebih lagi beribu-ribu setinggan-setinggan yang duduk dalam pondok yang tidak mengikut undang-undang terdiri di pinggir-pinggir kawasan bandar ataupun dalam bandar dan keadaan hidup mereka adalah amat menyedihkan. Saya merayu kepada Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkam-

pungan supaya mengutamakan pembinaan lebih banyak rumah murah dan flats bagi rakyat miskin dan membenarkan kontraktor-kontraktor swasta membina bangunan-bangunan yang lebih mahal dan elok dan juga pembahagian rumah murah kepada orang miskin perlu dikawal ketat dengan tujuan rumah murah hanya boleh diuntukkan kepada orang-orang yang berpendapatan kecil (pendapatan tidak lebih daripada \$400 sebulan) yang tidak ada rumah dan pembahagian ini perlu dijalankan dengan adil dan patut dengan tidak mengira bangsa.

### (2) Peruntukan Tanah

Bolehkah Kerajaan Pusat berhubung dengan Kerajaan-kerajaan Negeri merumuskan satu dasar berkenaan peruntukkan tanah kepada rakyat membolehkan pembahagian tanah yang lebih patut dan adil supaya tanah yang dibahagikan kepada yang miskin yang tidak ada tanah yang benar-benar memerlukan tanah untuk pertanian sendiri atau kepada badan-badan koperasi dan bukan kepada orang yang telah mempunyai banyak tanah dan kaya. Ini akan menahang orang yang kaya menjadi lebih kaya dan miskin lebih miskin yang bertentangan dengan Rancangan Ekonomi Baru yang bertujuan mengurangkan jarak di antara yang kaya dengan yang miskin.

Di sini saya suka mencadangkan supaya Kerajaan merumuskan satu rancangan tanah baru seperti satu koperasi (collective farming) bagi rakyat miskin yang tidak bekerja dari semua bangsa dengan bantuan dan kemudahan-kemudahan seperti yang diberikan kepada FELDA. Ini akan boleh mengurangkan pengangguran, kemiskinan, jenayah-jenayah belia dan membela semangat persahabatan, harmony, kerjasama dan perpaduan.

### (3) Pelajaran Tinggi (Tertiary Education) Untuk Pelajar-pelajar bukan Bumiputra

Kekuatiran dan kebimbangan telahpun diperkatakan mengenai bertambah kesukaran kini bagi anak-anak bukan bumiputra memasuki ke universiti-dan kolej-kolej anjuran Kerajaan sungguhpun pelajar-pelajar ini memperoleh

kelayakan yang baik dan tinggi. Ini mendatangkan kesukaran, kesusahan dan tidak puas hati dan reaksi yang buruk terhadap Kerajaan, dan frustrasi yang amat menyedihkan bagi pihak pelajar-pelajar yang berkenaan khususnya ketika mereka tidak dapat pekerjaan atau satu jalan keluar. Ini akan dipergunakan oleh sumber-sumber subversive dan anti-nasional dan saya harap Menteri Pelajaran akan menimbangkan masaalah ini dengan serious dan menimbangkan semula dasar menyekat peluang masuk belajar ke pelajaran tinggi oleh pelajar-pelajar bukan bumiputra.

Dan juga berkenaan dengan dasar kemasukan tahunan pelajar-pelajar ke universiti dan kolej-kolej bolehkah Menteri Pelajaran menentukan satu sistem quota atau ratio yang berpatutan misalnya 65% 35% atau sebagainya untuk pelajar-pelajar bumiputra dan bukan bumiputra.

(4) *Peluang Pekerjaan bagi bukan bumiputra dalam Kerajaan, quasi Kerajaan dan Badan-badan Berkanun dan juga di Hospital-hospital*

Ada didapati bertambahnya kecenderongan bagi menyekat kemasukan dalam berbagai-bagai perkhidmatan Kerajaan bagi bukan bumiputra dan ini menjadi lebih susah bagi bukan bumiputra mendapatkan kerja dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan juga Perkhidmatan Juru-rawat di Hospital-hospital, sebagaimana dicerminkan dari peratus bukan bumiputra yang diterima dalam setiap pengambilan (recruitment) bagi Juru-rawat baru di mana biasanya hanya lebih kurang 1-2% Jururawat yang diterima adalah bukan bumiputra. Saya berharap dalam perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga yang tidak seimbang ini dalam perkhidmatan Kerajaan tersebut dapat diperbaiki dan mencerminkan komposisi berbagai bangsa dalam negeri dan bagi menyesuaikan tujuan dan objective, menyusun semula struktur masyarakat seperti yang dirancangan.

(5) *Kekurangan Bekalan Air dalam Negeri Johor*

Saya difahamkan bahawa ada kekurangan bekalan air dialami selar berbulan-bulan ataupun bertahun-tahun di beberapa daerah dalam Negeri Johor khususnya di Batu Pahat dan Muar, di beberapa kawasan-kawasan misalnya di kampung-kampung sepanjang jalan Muar/Batu Pahat, di situ air terpaksa dibahagikan setiap hari kepada penduduk-penduduk oleh lori-lori J.K.F dan dalam setengah bandar di mana penduduk-penduduk tidak dapat air daripada batang paip ke dalam ruma sehingga lewat malam, dan juga saluran air itu sangat kecil. Ini mendatangkan kesukaran dan kesusahan kepada penduduk-penduduk mengakibatkan perasaan tidak puas hati, dan reaksi-reaksi buruk terhadap Kerajaan. Bekalan air adalah amat penting dan perlu dalam penghidupan harian, dan sebarang kekurangan atau tidak mencukupi hendaklah diambil tindakan segera. Saya faham bahawa bekalan air adalah tanggungjawab Negeri Johor, tetapi di mana kerja yang amat besar seperti pembinaan semula saluran paip yang besar, kolam air dan lain-lain, Kerajaan Negeri Johor tidak berdaya dengan tidak mendapatkan bantuan kewangan sebagai pinjaman daripada Kerajaan Pusat. Saya difahamkan bahawa bagi memperbaiki bekalan air sekarang dalam Negeri Johor, memperbaiki saluran paip yang buruk dan pam air yang perlu akan menelan belanja dan memerlukan pakar teknik yang banyak. Saya berharap dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga masaalah bekalan air dapat diutamakan dan peruntukan atau pinjaman yang cukup hendaklah diadakan bagi melaksanakan projek ini, dan juga hendaklah diadakan persefahaman, kerjasama koordinasi yang lebih baik di antara Kerajaan Negeri dan Pusat (khususnya Jawatankuasa Perancang Kemajuan Pusat) bagi mempercepatkan perbekalan air dalam Negeri Johor.

(6) *Pengusahaan Swasta dalam Pembangunan Negara dalam bentuk Rancangan Ekonomi Baru*

Bagi menggalakkan sektor swasta memainkan peranan yang lebih berkesan

dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan hendaklah berusaha :

- (a) memulihkan (restore) kepercayaan dalam suasana penanaman modal dan Kerajaan hendaklah menyemak dan memperbaiki mesin pentadbiran dan mengurangkan birokrasi, red-tape, korupsi dan tidak kecekapan.
- (b) bagi mengambil langkah-langkah positif mengadakan persyarikatan yang konstruktif dengan sektor swasta.

(7) *Desa dan kampung baru*

- (1) Kekurangan tanah sebagaimana dialami dalam banyak kampung, desa dan kampung baru hendaklah diambil tindakan di mana yang boleh.
- (2) Pengeluaran geran dan surat penyerahan tanah hendaklah dipercepatkan.
- (3) Perkhidmatan biasa dan infrastruktur bekalan air, elektrik hendaklah diadakan atau diperbaiki.
- (4) Industri kecil dalam rumah (home industry) hendaklah digalakkan.

Akhirnya, setakat mana kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga akan mengandungi:

Sokongan dan kerjasama yang erat dan harmoni daripada semua rakyat yang berkenaan-Kerajaan, pentadbiran dan rakyat jelata, orang ramai dan sektor swasta. Mesin pelaksanaan daripada semua peringkat hendaklah dikudai dan dikawal dari semasa ke semasa supaya menjamin kecekapan dan keadilan, untuk semua bangsa, kelas dan pendirian, dan keadaan tidak seimbang yang menyeleweng hendaklah dibetulkan segera.

Saya ucapkan terima kasih dan sekali lagi saya menyokong penuh atas usul Rancangan Malaysia Ketiga.

5.58 ptg.

**Datuk Syed Hassan Aidid:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan sokongan yang penuh di atas usul Rancangan Malaysia Ketiga yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat

Timbalan Perdana Menteri kelmarin. Saya fikir tidak ada siapa yang boleh menafikan iaitu Rancangan Malaysia yang Pertama, Kedua dan Ketiga berniat baik untuk kebaikan semua rakyat. Tetapi yang mendukacitakan iaitu khasnya Rancangan Malaysia Kedua telah gagal ataupun tidak berjalan dengan cukup lancar adalah kerana beberapa sebab.

Pertama, bagaimana dalam ucapan saya pada Rancangan Malaysia Kedua iaitu untuk menjayakan Rancangan Malaysia Kedua, ada dua tiga faktor. Pertamanya, sokongan yang penuh patut diperolehi daripada pihak-pihak swasta dan dapat kerjasama dengan jujur daripada kakitangan Kerajaan. Kedua, kalau kita bercakap atas Dasar Ekonomi Baru pula, usahanya juga patut datang daripada orang Melayu sendiri.

Saya suka bangkitkan sekali lagi berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baru. Saya percaya oleh kerana perkara ini sudah lama berjalan yang diilhamkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, ramai orang kita yang tidak memahami apakah Dasar Ekonomi Baru. Saya suka ulangkan lagi sekali di sini, tujuan Allahyarham ialah tidak lain dan tidak bukan memandangkan jurang yang tidak seimbang itu jauh sangat antara ekonomi orang Melayu dan bukan Melayu maka beliau telah berpendapat kalaulah keadaan begini berjalan, satu kaum menikmati kekayaan dan satu kaum miskin maka tentulah negara kita tidak selamat. Oleh yang demikian, beliau telah melaksanakan Dasar Ekonomi Baru supaya 30% daripada bumiputra atau orang Melayu memasuki dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Beliau tidak sekali-kali berniat untuk merampas atau mengambil kekayaan orang lain. Ini patut orang bukan Melayu mengambil faham kerana saya percaya di dalam Dewan ini juga telah diucapkan oleh beberapa orang yang saya percaya mereka faham atau tidak faham yang mereka telah berkata banyak sungutan daripada orang ramai, kerana banyak peluang-peluang diberi kepada orang Melayu saja. Perkara ini patutlah diberi fahaman yang lebih luas daripada kita sekalian dan juga daripada Jabatan-jabatan Pengerangan supaya tidak membawa kekeliruan.

Tuan Yang di-Pertua, kita menghadapi Rancangan Malaysia Ketiga dengan membelanjakan wang sebanyak \$18,600 juta. Ini

adalah satu angka yang cukup besar, lebih besar daripada angka Rancangan Malaysia Kedua dan saya percaya kalau dengan kejujuran kakitangan Kerajaan dan pihak swasta, kita akan berjaya tetapi walau bagaimanapun Kerajaan hendaklah berhati-hati supaya wang ini tidak dibelanjakan dengan tidak tentu dan dengan cara ekonomi, janganlah tersilap sebagaimana yang berjalan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Kalaulah tersilap lagi bermakna kita akan gagal dalam rancangan yang pertama, yang kedua dan yang ketiga dan saya bimbang kita tidak akan berjumpa pula dengan Rancangan Malaysia Keempat.

Tujuan Rancangan Malaysia Ketiga ialah tidak lain dan tidak bukan sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ialah untuk membasmi-kan kemiskinan. Ini sangatlah mustahak. Apa yang dikatakan oleh sahabat saya tadi Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik, kemiskinan adalah satu perkara yang cukup dahsyat. Kalau kita tidak berhati-hati ini akan membawa akibat yang buruk kepada seluruh Malaysia. Kita selalu mendengar daripada ucapan-ucapan pemimpin kita yang mengatakan Malaysia tidak akan menjadi negeri komunis oleh kerana setengah daripada penduduk di sini adalah terdiri daripada orang Melayu, kerana orang Melayu beragama Islam adalah anti-komunis, tidak percaya sama sekali dengan ideologi komunis tetapi kalau seseorang itu miskin, papa, kalau anaknya tidak dapat susu atau tidak dapat makan, saya fikir dia akan lupa kepada ugamanya. Saya suka bawa satu Hadis yang berbunyi:

Qadal-fakru-anya-kuna-kufuran.

Ini bermakna kalau seseorang Islam itu dia lapar, dia papa, maka boleh jadi dia buat apa juga yang dia suka dan dia boleh tukar ugamanya. Ini kita kena berfikir habis-habis. Tujuan saya sebutkan di sini, sebelum terjadi perkara ini di dalam lima tahun ini, Kerajaan dan kita sekalian hendaklah berfikir habis-habis khasnya supaya orang Melayu dapat nikmat kemerdekaan.

Di dalam perbelanjaan yang besar begini, saya tidak tahu adakah Kerajaan menguntukkan supaya ditambah pegawai-pegawai Kerajaan. Ini juga mustahak. Kalau pembangunan ini pesat tetapi pegawai-pegawai Kerajaan cuma seperti yang ada sekarang, saya fikir

tidak mencukupi, patut sangat Kerajaan menambah banyak lagi pegawai-pegawai Kerajaan. Kerana di dalam pengalaman saya sendiri apabila saya berhubung dengan talipon untuk orang kampung di dalam satu-satu Kementerian, bila saya talipon, ada pegawai di pejabat mengatakan dia pergi meeting, kemudian ada setengahnya itu keluar negeri, ada setengahnya barangkali pergi kantin. Jadi yang peliknya kalaulah pegawai ini tidak ada di pejabat tidakkah patut digantikan dengan penolongnya, kerana orang-orang kampung yang datang daripada luar bandar, misalnya Pulau Pinang dan sebagainya apabila mereka datang ke Kuala Lumpur dan menghadapi perkara begini, saya fikir ini satu perkara yang kurang baik. Mereka berbelanja berpuluh-puluh ringgit dan kalau hendak tunggu sampai pegawai itu ada esok hari, maka terpaksa belanja hotel dan sebagainya atau terpaksa balik pula ke kampung dan datang lagi. Ini satu perkara yang saya minta Kerajaan hendaklah ambil perhatian yang berat. Kalau tidak ada pegawai yang berkenaan, hendaklah ada penolongnya supaya kerja-kerja akan berjalan dengan lancar.

Saya sungguh tertarik hati dengan ucapan Yang Berhormat Datuk Hussein Noordin kelmarin. Yang sebenarnya apa yang Datuk Hussein cakap berkenaan dengan exemption income tax kepada bumiputra atau orang Melayu memang perkara ini saya sudahpun bercakap di dalam Dewan ini, tetapi nampaknya Kerajaan cuma tutup telinga sahaja. Ini satu perkara mustahak. Kalau sebenar-benar Kerajaan berkehendakkan orang Melayu masuk dalam lapangan perniagaan dan perusahaannya, apakah salahnya kalau kita boleh beri exemption, iaitu pioneer status kepada orang luar (foreigners), kenapa kita tidak boleh beri kepada orang kita. Kalau tidak boleh 5 tahun, 3 tahun pun cukup, kerana seseorang orang Melayu hari ini dia hendak masuk dalam satu-satu perniagaan, saya dapati cukup leceh. Tidak usah kata orang lain, saya sendiri menghadapi berbagai borang-borang income tax, borang SOCSO baru-baru ini, borang sales tax dan sebagainya lagi. Saya fikir orang Melayu kita cukup susah hendak menghadapi perkara-perkara ini. Jadi kalau kita beri pioneer status, saya tidak fikir Kerajaan akan rugi banyak dan dalam masa 3 tahun dia pun sudah belajar bagaimana hendak berniaga dan sebagainya dan selepas 3 tahun bolehlah mereka dikenakan tax.

Satu perkara lagi berkenaan dengan saham-saham yang dikeluarkan kepada Bumiputra. Saya tidak fikir inilah satu jalan yang memberi faedah kepada orang Melayu. Pertama, orang Melayu tidak ada duit. Kedua, kalau dia beli saham, saya beri satu contoh. Pada beberapa tahun yang sudah, saya desak supaya akhbar *Straits Times* ini memberi peluang kepada orang Melayu beli saham, saya pun beli dan beribu-ribu orang UMNO beli dengan harga \$5.00 dan pada hari ini jatuh \$3.60. Ini masalahnya. Tambahan pula dalam beberapa hari ini, saya tidak mahu sebutkan nama syarikat itu yang telah mengeluarkan saham beratus ribu kepada orang Melayu dengan harga \$2.00 lebih. Saya fikir harga ini boleh jatuh kepada \$1.50 atau \$1.00 ataupun boleh jatuh teruk lagi. Jadi, dengan kerana kita hendak beri untung kepadanya mereka akan menghadapi kerugian. Perkara ini kita kena fikir sungguh-sungguh bukanlah kerana orang Melayu membeli saham boleh dapat kekayaan. Apa yang lebih penting ajar mereka bagaimana hendak berniaga. Wang yang kita hendak belanja sebanyak \$18,000 juta ini digunakan untuk membuat gerai, kedai-kedai supaya mereka belajar berniaga daripada bawah sampai ke atas. Saya fikir ini adalah lebih baik daripada kita menggalakkan orang Melayu membeli saham.

Saya suka bercakap berkenaan dengan jenayah. Saya fikir, siapa pun tidak boleh menafikan hari ini jenayah makin sehari makin bertambah dan soalnya bukan saya hendak menyalahkan kepada Pasukan Polis. Pasukan Polis hari ini telah menjalankan tugas mereka dengan cukup baik dan saya patut memberi pujian, tangkap di sana dan tangkap di sini, boleh dikatakan banyak sangat kejayaan yang dicapai oleh Pasukan Polis. Tetapi apa yang saya hendak bawa di sini ialah penalty. Adakah penalty yang berjalan berpuluh tahun daripada masa British sudah elok atau hendak diubah. Ini soal pokok, kerana sebelum saya datang ke sini, saya telah melawat penjara di Pulau Pinang pada 29hb Julai, 1976. Saya hendak memberi angka apa yang saya dapat daripada pegawai Penjara sendiri.

Pada tahun lepas dalam bulan Julai juga saya telah melawat dan saya telah diberi angka banduan (prisoners) yang ada di Penjara Pulau Pinang tidak lebih daripada

400 orang. Pada 29hb Julai angka yang didapati 767 prisoners di Penjara Pulau Pinang. Yang anihnya cellnya cuma ada 313. Bermakna pada tahun sudah tiap-tiap seorang masuk dalam satu cell. Hari ini terpaksa kena letakkan tiga orang dalam satu cell. Apa akan jadi pula pada tahun depan. Dia akan naik hingga 1,000. Perkara perbelanjaannya saya telah bertanya kepada ketua di situ tiap-tiap seorang salah itu perbelanjaan makannya iaitu \$1.85 sen seorang, dengan pakaian, lampu dan berbagai-bagai, menjadikan lebih kurang \$2.50 sen. Pendek kata kalau sehari perbelanjaan itu kita katakan untuk 800 banduan (prisoners) bermaknalah sehari Kerajaan kena belanja \$2,000 dan sebulan \$60,000—setahun \$720,000. Apa yang saya lihat dengan mata kepala saya sendiri orang-orang yang dalam jail ini boleh dikatakan lebih sihat dan lebih gemuk daripada kita semua di sini dan saya dapati maklumat daripada pegawai-pegawai yang berkenaan kalau mereka timbang masa masuk dengan masa keluar, biasanya ber lebih 5 paund hingga 10 paund. Jadi bermakna jail ini khas untuk kita memelihara orang beri makan kemudian saya pergi lihat menu sehari diberi ikan: ikan kering, ikan basah, daging, ayam, sayur dan berbagai-bagai dan atas daripada itu pula sebelah petang diberi recreation, football dan sebagainya, cuma TV sahaja lagi yang belum dapat. Jadi adakah penalty yang berjalan ini kita berpuas hati atau hendak ditambah lagi buat satu undang-undang yang lebih keras kerana dalam satu contoh pada satu hari saya telah lihat dalam akhbar seorang telah di pick-pocket di kebun bunga, kemudian ditahan dan dihukum enam bulan. Hakim bertanya kepadanya, apa hendak kata? Jawabnya saya tidak puas hati. Saya mahu sekurang-kurangnya dua tahun kerana apabila saya keluar terpaksa saya curi, kerana saya dapati kemewahan di dalam jail itu adalah lebih baik daripada di luar. Kalau saya hendak cari makan dengan keadaan yang dilayan kepada saya dalam jail adalah lebih baik. Ini keadaan yang berlaku hari ini. Ini terpulanglah kepada Kerajaan memikirkan halus-halus samada penalty yang ada ini dibiarkan begitu sahaja ataupun hendak dihukum dengan lebih keras ataupun hendak kita bawa ke pulau di mana-mana kerana saya percaya ada jiran kita telah menjalankan cara ini dan mendapat kejayaan. Kalau tidak pun hari ini kita ada 2/3 tanah yang masih kosong lagi. Kita masih berkempen

dengan Green Book sahaja. Beri mereka bekerja di sana tetapi dengan cara control. Itu terpulang kepada Kerajaan. Saya bimbang lama kelamaan tempat tidak cukup. Kalau di Pulau Pinang tidak cukup, di Taiping tidak cukup, di Kuala Lumpur pun tidak cukup. Di mana kita hendak letakkan orang-orang ini kerana mereka seronok begitu. Dia masuk, dia keluar dan masuk lagi.

Dalam masa saya melawat, satu masaalah yang saya suka beritahu kepada Dewan ini iaitu daripada 767 banduan, 42.5% adalah kes dadah. Selain daripada itu budak-budak dan orang Melayu kita yang lebih banyak ini yang saya suka bawa di sini. Kita tidak boleh salahkan belia-belia kita. Yang kita salahkan ialah pengedar (pushers). Sehingga hari ini kita dengar dalam akhbar ada pushers bawa dadah dan sebagainya dan ada yang manufacture dadah. Tetapi hukuman itu di mana? Saya tidak tahu. Saya tidak dengar lagi. Dalam Dewan ini juga kita telah luluskan supaya orang yang membawa dadah ini akan dihukum mati. Saya belum dengar satu kes pun. Barangkali masih dalam simpanan lagi.

Ini lain perkara pula. Perkara dalam jail ini juga saya melihat dan perhati nampaknya tiap-tiap bangsa ada disediakan dengan satu dapur asing. Orang Melayu makanan cara Melayu, orang China dengan makanan cara China, makan babi dan sebagainya, dan orang India lain pula. Jadi, saya kurang faham kalau di hospital kita boleh mengadakan satu cara, kenapa di penjara keadaan berjalan begini. Mengapa? Tidak boleh diubah sekalikah? Ini satu masaalah ada yang lebih anih lagi saya dapat tahu ada juga Mat Saleh (orang putih) yang tidak boleh makan makanan China dan makanan Melayu. Dia berkehendakkan makananya sendiri. Terpaksa kita beri mentega pula. Ini kejadian dan bukan cerita dongeng . . . . .

**Datuk Hussein bin Mohd. Noordin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Ahli Yang Berhormat menyatakan dia seorang ahli penel untuk melawat jail di Pulau Pinang. Setengah negeri telah membenarkan sex dalam penjara. Adakah Kerajaan Pulau Pinang akan membenarkan sex diadakan dalam penjara juga? Sex yang saya kata itu ialah perhubungan sex antara orang yang kena penjara dengan isterinya.

**Datuk Syed Hassan Aidid:** Saya belum mendalam perkara itu lagi.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Datuk Syed Hassan Aidid:** Masaalah perumahan. Perumahan ini daripada masa Allahyarham Tun Abdul Razak telah beberapa kali beliau menegaskan supaya dibina rumah murah, rumah kayu, rumah papan yang tidak lebih daripada \$5,000 hingga \$7,000. Tetapi sehingga hari ini saya belum lagi dengar dan sekurangnya di Pulau Pinang belum ada lagi. Jadi, kalau beginilah keadaannya, saya fikir khasnya orang Melayu tidak dapat tinggal di dalam rumah-rumah yang mahal. Jadi, kalau dapat Kementerian menjalankan usaha ini dengan seberapa daya yang boleh dan seberapa yang lekas.

Begitu juga masaalah perumahan ini saya fikir Menteri yang berkenaan patut mengambil perhatian berat tentang speculation. Kita biasa dengar seorang itu beli sampai 5 rumah satu deret, 10 rumah, kononnya, dia beli dengan nama adik, abang dan sebagainya, tetapi akhirnya dijual rumah-rumah itu. Jadi, saya minta Kementerian yang berkenaan tolong ambil berat dan jangan beri rumah kepada mereka yang begitu, melainkan seseorang itu betul-betul berkehendakkan rumah dan yang tidak ada rumah. Kalau tidak ini kita galakkan speculation. Begitu juga di dalam flat saya dapat tahu orang yang duduk di flat itu menjual pula dengan cara black market. Dia sewa \$30 sebulan, kalau ada orang berani beli dengan harga \$2,000—\$3,000 dia keluar, tetapi nama dia juga dan dia tidak duduk di situ. Saya minta Kementerian tolong ambil perhatian.

Lagi satu masaalah ialah talipon. Bila negara kita sudah maju begini dengan Rancangan Pertama, Kedua dan Ketiga sepatutnya dial system kita bertambah baiklah. Tetapi saya tak tahu di sini, saya kena di Pulau Pinang. Saya dapat komplek juga di Kuala Lumpur. Saya biasa dial daripada Pulau Pinang ke Kuala Lumpur kepada sahabat saya orang Melayu, dial sekali dapat orang China, \$2.50 kena bayar. Saya fikir saya silap, saya dial sekali lagi, kena orang China, orang itu juga, masuk 3 kali, katanya, saya sudah cakap sama awak ini bukan rumah Melayu, \$7.50 sudah habis dan kena

marah pula. Begitu juga di rumah, dan di pejabat saya sendiri berapa banyak orang talipon kadang-kadang pukul satu malam, ini Malaysia Hotelkah, pada hal rumah saya duduk, ini Borneo Motorskah. Mereka silap, kita tidak boleh marah dia. Jadi, our dialling system is getting worse. Kita tidak ada engineer-engineer yang cekapkah? Tentu ada peruntukan yang banyak. Saya minta Kementerian yang berkenaan tolong ambil perhatian. Saya fikir komplek ini bukan saya sahaja, bahkan banyak sahabat-sahabat saya yang lain.

Satu lagi masalah mengenai TV. Masalah TV ini sahabat-sahabat saya orang-orang Islam barangkali ada ambil perhatian. Apabila azan waktu maghrib dan Isyak, kita nampak dalam masa azan itu ada gambar, ada lampu, ada kereta, ada pula beberapa orang Islam dengan baju telok belanga, tua-tua semuanya berjalan berleumpang hendak masuk ke masjid dan ada gambar-gambar penjurong masjid. Jadi, kalau pada pandangan orang yang bukan Islam saya fikir ini satu pandangan yang kurang elok. Kita akui iaitu agama rasmi kita ialah Ugama Islam. Daripada ditunjukkan gambar-gambar penjurong ini, saya cadangkan TV tunjukkan masa azan itu satu gambar daripada Masjid Negara masa sebelum orang sembahyang jumaat yang beribu-ribu audience ada di sana. Tunjukkan kepada dunia orang Islam kita bukan sembahyang setakat 5 orang atau 10 orang sahaja bahkan beribu orang. Jadi, saya minta supaya TV Malaysia ambil perhatian atas perkara ini. Saya tegur ini dengan ikhlas.

Berkenaan dengan masalah TV juga, baru-baru ini ada pula Hiburan Malam Minggu. Saya memperhatikan nampaknya banyak sangat tarian-tarian barat. Setelah British pergi, maka banyak kebudayaan mereka dikekalkan. Kita ada dikir barat di Kelantan, kita ada borea, kita ada berbagai-bagai hiburan lagi, apa salahnya kalau tunjukkan tarian-tarian ini. Di dalam tarian barat ini ada perbuatan romantik pula. Ini saya ingat ada kurang manis. Jadi, TV Malaysia tolong ambil perhatian.

Bercakap masalah barat ini juga, saya berasa seronok dan beri tahniah kepada Kerajaan yang telah meminda nama "Gabnor" kepada "Yang di-Pertua Negeri". Tetapi saya perhatikan kalau setakat nama kita tukarkan tetapi amalan tak bertukar

tidak cukup, sebab saya perhatikan di dalam official function masih lagi berjalan dengan "toast", bangkit seorang "toast" kepada dia, duduk pula, bangun pula "toast" kepada yang lain. Perkara ini sudah berjalan lama sangat. Ini adalah datang dari barat, Jadi, terpulangnya kepada Kementerian berkenaan adakah elok benda-benda ini berjalan lagi, walhal kita sendiri ada peribadi Malaysia sendiri. Kita patut tukar atau tidak tukar terpulang kepada Kementerian. Saya ingat tak elok lagi. Dan ada potong kek dan berbagai-bagai sedang berjalan. Kalau perseorangan buat itu soal lain, tetapi official function saya ingat ada kurang baik sedikit. Kalau dahulu "toast" itu dengan air lain, hari ini air itu ditukar, tetapi caranya begitu juga.

Akhirnya, saya hendak bercakap berkenaan dengan Pulau Pinang. Ini sangat mustahak. Kita selalu dengar Pulau Pinang ini sungguh maju semua orang tahu maju dengan industry. Sekarang ini pula ada Urban Centre, kemudian tak lama lagi airport hendak siap. Kita berterima kasih kepada Kerajaan Pusat telah menghantar beberapa ratus-ratus ribu ringgit tetapi yang mendukacitakan iaitu kedudukan orang-orang Melayu. Semenjak kemerdekaan yang saya tahu, saya tinggal di sana keadaan orang Melayu boleh dikatakan tidak berubah, yang di kampung macam di kampung, kais pagi makan pagi kais petang makan petang dan banyak yang tidak ada pendapatan yang tetap. Ini disebabkan tak lain tak bukan kita tidak ada modal. Kalau hari ini ada Urban Centre, saya tahu kalau kita hendak beli harganya lebih kurang \$80,000 ke atas satu unit. Untuk Bumiputra kita kena bayar 30% pendahuluan iaitu sebanyak \$24,000. Ada juga orang yang mampu tetapi tak berapa kerat orang Melayu yang boleh mampu membelinya. Kepada yang lain ini cukup sengsara, keciwa penghidupan mereka itu, baik nelayan dan orang-orang Melayu yang lain. Tambahan pula Pulau Pinang boleh dikatakan tidak ada tanah jika kita bandingkan dengan Tanah Besar, tidak ada lombong, tidak ada berbagai-bagai. Pendekata, orang Melayu di sana tak harap kepada yang lain, melainkan kepada Kerajaan Pusat supaya Kerajaan Pusat sungguh-sungguh ambil berat perkara ini mengadakan gerai di kampung-kampung ataupun mengadakan cottage industry. Itu terpulang kepada Kerajaan Pusat. Jadi, saya suka sentuh di sini apabila UMNO telah

mendesak beberapa tahun yang sudah, maka Kerajaan Pusat telah menghantar beberapa pegawai ke Pulau Pinang untuk mengkaji dan menerima laporan, memorandum daripada Malay Chamber of Commerce, daripada UMNO dan daripada berbagai-bagai badan yang lain. Hari ini sudah setahun kita belum dengar atas laporan itu. Bagaimanapun, orang Melayu di Pulau Pinang tidak putus asa, saya percaya perkara ini ada di dalam perhatian Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn dan saya minta supaya hasil daripada Laporan ini dikeluarkan dengan seberapa segera.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada banyak lagi hendak bercakap?

**Datuk Syed Hassan Aidid:** Banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh sambung lagi esok. Mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 esok, 12hb Ogos, 1976.

*Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*